



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ISMAIL BIN HAJI AHMAD GUNDAL,
PEMBUAT SONGKOK GUNDAL
MENGENAI SUMBANGAN DALAM BIDANG PAKAIAN TRADISIONAL**

CHE WAN NURMAS AZURA BINTI CHE WAN HASANUDDIN

(2018400932)

NUR HAZIQAH BINTI ANUAR

(2018223202)

SEMESTER OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Abstrak	I
Penghargaan	II
Singkatan Abreviasi	III
Singkatan Nama	III
Rujukan Kata	IV
1.0 Biografi Penemubual	
1.1 Biografi Penemubual Pertama	1
1.2 Biografi Penemubual Kedua	2
2.0 Biografi Tokoh	3
3.0 Pengenalan Sejarah Lisan	4 – 5
4.0 Ulasan Literatur	6 – 9
5.0 Transkrip Temubual	10 – 58
6.0 Log Temubual	59 – 64
7.0 Ralat	65
8.0 Ringkasan	66 – 67
9.0 Kesimpulan	68
10.0 Glosari	69
11.0 Indeks	70 – 72
12.0 Rujukan	73 – 74
13.0 Lampiran	
13.1 Surat Penyelidikan	75
13.2 Surat Penjanjian	76
13.3 Soalan Temubual	77 – 83
13.4 Diari Penyelidikan	84 – 89
13.5 Proposal Kajian	90 – 106
13.6 Gambar Kajian	107 - 115

ISMAIL BIN HAJI AHMAD GUNDAL
2021



ISMAIL BIN HAJI AHMAD GUNDAL

ABSTRAK

Transkrip ini adalah mengenai temubual yang telah dilakukan bersama dengan Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal untuk mengetahui lebih lanjut bidang yang berkaitan dengan pakaian tradisional iaitu Songkok Gundal. Temubual ini telah dijalankan pada 17 Disember 2020 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2:30 hingga 4.30 petang, bertempat di Kedai Toko Sinar Maju, Kuantan Pahang dan berdurasi selama 1jam 15minit. Tokoh ini telah dipilih kerana telah mencapai kriteria kajian yang telah ditetapkan, ditambah juga dengan pengalaman beliau yang hampir mencecah empat dekad dalam menghasilkan pengusahaan Songkok Gundal sehingga ke hari ini tidak dapat disangkal lagi kemahirannya. Transkrip temubual ini menceritakan tentang sejarah Songkok Gundal yang hanya terdapat di negeri Pahang. Selain daripada itu, penyelidikan ini juga menceritakan tentang kaedah dan cara pembuatan Songkok Gundal dihasilkan olehnya. Oleh itu, semua informasi yang diceritakan dan dikongsikan kepada penyelidik adalah berdasarkan pengalaman tokoh sendiri dalam bidang pakaian tradisional ini.

Kata kunci: Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal, Songkok Gundal, Pahang

ABSTRACT

This transcript is about an interview that was conducted with Mr. Ismail Bin Haji Ahmad Gundal to find out more about the field related to traditional clothing, namely Songkok Gundal. This interview was conducted on 17 December 2020 equivalent to Thursday at 2:30 until 4.30 pm at Kedai Toko Sinar Maju, Kuantan Pahang and duration for this interview is 1hour and 15minutes. This figure has been selected because he has achieved the criteria of the study that has been set, coupled with his experience of almost reaching four decades in producing Songkok Gundal's business until today his skills are undeniable. This interview transcript tells about the history of Songkok Gundal which is only found in the state of Pahang. Apart from that, this research has also told about the methods of making Songkok Gundal produced by him. Therefore, all the information told and shared to the researcher is based on the experience of the figure himself in this field of traditional clothing.

Keywords: Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal, Songkok Gundal, Pahang

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Terlebih dahulu, kami ingin memanjangkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana telah mengurniakan kami nikmat kesihatan yang baik, kekuatan fizikal dan mental, masa dan ruang yang mencukupi untuk menyiapkan transkrip temubual ini dengan jayanya walaupun banyak kekangan dan cabaran yang terpaksa kami hadapi semasa menyiapkan tugas ini.

Sekalung jutaan terima kasih yang tidak terhingga dan ditujukan khas kepada Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal kerana sudi menjadi tokoh kajian kami dan juga sentiasa memberikan yang terbaik untuk membantu kami menyiapkan tugas ini. Segala kerjasama dan layanan yang cukup istimewa ketika kami berkunjung ke kedai beliau untuk sesi menjalankan temubual amatlah dihargai terutamanya ketika pandemik Covid-19 sedang melanda.

Terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada Encik Jafalizan Bin Md. Jali, pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana kerana telah membantu dan memberikan tunjuk ajar serta ilmu yang sangat bermanfaat kepada kami untuk menyelesaikan tugas ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa kami kerana sentiasa memberi sokongan dari segi moral dan kewangan dalam menjalankan tugas ini. Tidak dilupakan juga, ribuan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama membantu dalam memberi ulasan yang membina ketika sesi pembelajaran ini berlangsung menerusi aplikasi Google Meet dan juga aplikasi yang berkaitan.

Sekian, Terima kasih.

SENARAI SINGKATAN

Singkatan Nama	
CWN	Che Wan Nurmas Azura Binti Che Wan Hasanuddin
NHA	Nur Haziqah Binti Anuar
IAG	Ismail Bin Haji Ahmad Gundal

Singkatan Abreviasi	
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
RM	Ringgit Malaysia
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
FB	Facebook

RUJUKAN KATA

Tak	Tidak
Dulu	Dahulu
Dah	Sudah
Pun	Juga
Supplier	Pembekal
Specific	Khusus
Tips	Petua
Pattern	Corak
Kitaorang	Kami
Diorang	Mereka
Gitu	Begitu
Gini	Begini
Famous	Popular

1.0 BIOGRAFI PENEMUBUAL

1.1 Biografi Penemubual Pertama

BIODATA PENULIS



Nama : Che Wan Nurmas Azura Binti Che Wan Hasanuddin

Alamat : Lorong Sekolah, Desa Jati, Pahang

No. Pelajar : 2018400932

Program : IM246 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Rekod

E-mel : wanzurahasanuddin@gmail.com

1.2 Biografi Penemubual Kedua

BIODATA PENULIS



Nama : Nur Haziqah Binti Anuar
Alamat : Blok B, Jalan Langsat Felda Palong, Negeri Sembilan
No. Pelajar : 2018223202
Program : IM246 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Rekod
E-mel : nrhaziqahanuar@gmail.com

2.0 BIOGRAFI TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Ismail Bin Haji Ahmad Gundal

Tarikh lahir : 12 Oktober 1960

Tempat lahir : Hospital Besar Kuantan, Pahang

Alamat : No 74, Tingkat Bawah, Lot 30, Jalan Besar 25000, Kuantan, Pahang
Darul Makmur

E-mel : rifadullah@yahoo.com

Profession : Pembuat Songkok Gundal

3.0 PENGENALAN

Songkok merupakan salah satu aksesori tradisional di kepala bagi orang melayu terutamanya kaum lelaki dan telah ditetapkan dalam tatacara pakaian kebangsaan. Bagi masyarakat Melayu, mereka mempunyai pakaian tradisional yang tersendiri dan cara berpakaianya berbeza untuk lelaki dan wanita serta mempunyai keunikan dan citarasa tersendiri seperti warna, corak, gaya dan sebagainya mengikut negeri masing-masing. Baju Melayu adalah sinonim bagi kaum lelaki di Malaysia, iaitu memakai baju lengan panjang longgar yang dipasangkan dengan seluar dan kain sarung atau lebih dikenali sebagai sampin dan dipadankan juga dengan songkok. Penggunaan songkok sangat popular di Malaysia. Buktinya, songkok telah dipakai secara meluas di negara Asia seperti Thailand, Singapura dan juga Indonesia. Songkok telah dianggap sebagai alat pemakaian yang rasmi bagi sesuatu acara seperti upacara keagamaan, kenduri kahwin dan tidak lupa juga pada musim perayaan terutamanya perayaan bagi Melayu-muslim. Di Kuantan Pahang, Songkok Gundal merupakan antara pilihan bagi golongan bangsawan iaitu kerabat raja di negeri Pahang, bermula dengan Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah sewaktu beliau menjadi Tengku Mahkota Pahang dan sehingga ke hari ini. Hasil pembuatannya yang kemas dan rapi telah menjadikan Songkok Gundal bertahan sejak empat dekad yang lalu sehingga ke hari ini dan telah diwarisi oleh generasi ketiga iaitu Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal.

Sejarah lisan pula didefinisikan sebagai rakaman, pemeliharaan dan penafsiran maklumat sejarah, berdasarkan pengalaman dan pendapat peribadi. Selain itu, sejarah lisan juga dapat memberikan gambaran masa lalu yang lebih lengkap dan lebih tepat dengan pemenambahan maklumat yang direkod seperti rakaman suara, gambar, peta, surat, buku harian, dan bahan sejarah lain. Di samping itu, mereka yang melihat sendiri sesuatu peristiwa yang bersejarah dan menjadi saksi berlakunya perkara sedemikian rupa juga dikategorikan sebagai sejarah lisan.

Tambahan pula, saksi mata terhadap sesuatu peristiwa juga turut menyumbang kepada pelbagai sudut pandangan dan perspektif pada dalam sejarah yang didokumentasikan dan dapat memperbetulkan cerita yang bercanggah dengan catatan bertulis. Justeru itu, cara yang terbaik untuk mengekalkan pengetahuan dan pemahaman dari orang yang lebih tua adalah melalui sesi temu ramah yang telah dijalankan oleh generasi muda. Penemuramah iaitu dari golongan generasi muda dapat mengemukakan

segala soalan yang tidak terjawab dari catatan lain untuk disoal sewaktu berlangsungnya sesi temu ramah saksi yang melihat keadaan peristiwa tersebut.

Oleh itu, subjek Sejarah Lisan ini sangat membantu penyelidik untuk mempelajari teknik-teknik menjalankan temubual dengan cara yang betul dan teratur. Ditambah pula, subjek ini juga dapat membantu penyelidik mempelajari proses-proses untuk menterjemahkan maklumat yang diperolehi melalui hasil temubual yang telah direkodkan dalam bentuk video dan audio diterjemahkan dan ditukarkan ke dalam bentuk transkrip.

Kesimpulannya, diharapkan subjek ini dapat membantu sedikit sebanyak penyelidik lain yang memerlukan bahan rujukan untuk kajian mereka pada masa akan datang. Justeru itu, kajian sejarah lisan seharusnya diperkembangkan ilmunya kerana ia sangat penting kepada seseorang individu, anggota masyarakat dan juga negara.

4.0 ULASAN LITERATUR

Tinjauan literatur dilakukan untuk mengetahui bidang pemakaian tradisional iaitu songkok. Songkok merupakan salah satu pakaian tradisional yang merupakan warisan budaya di Malaysia yang perlu dijaga dan dikenalkan oleh generasi muda. Songkok dianggap sebagai pelengkap kepada pemakaian bersama baju melayu dan samping. (Mohammad Faeez Harith, 2020)

Menurut cacatan yang terdapat di Jurnal Jawatan kuasa Gerakan Membaca Negeri Perlis yang bertajuk Penggunaan Songkok yang ditulis Ramli Ismail (2007), pemakaian songkok sememangnya menjadi pilihan terutamanya bagi lelaki yang beragama islam. Penggunaan songkok juga bukan sahaja dipakai di Malaysia malah ia turut menjadi pilihan di negara Asia Tenggara yang lain. Songkok memainkan peranan yang sangat penting terutamanya bagi seseorang yang perlu menghadiri majlis rasmi yang berprotokol. Pemakaian songkok bersama baju melayu dan juga bersamping akan menyerlahkan lagi kekemasan diri bagi si pemakai. Kebanyakan songkok berwarna hitam pekat tetapi ada juga sesetengah songkok berwarna selain daripada warna hitam pekat. Sebagai contoh, warna merah hati. Pemakaian songkok digalakkan ketika hendak bersolat, semasa majlis berkhatan, majlis akad nikah, majlis pernikahan, berlaku kematian dan juga upacara atau majlis yang berkaitan dan bersesuaian untuk memakai songkok.

Menurut rencana yang terdapat di Bernama News yang bertajuk ‘Songkok Gundal jahitan tangan selesa’ yang ditulis oleh Siti Salwa Shaari (2018), menceritakan bahawa Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal menghasilkan songkok buatan tangannya bukan sahaja dijual dan dipasarkan kepada orang ramai bahkan kepada golongan kerabat Negeri Pahang. Kebanyakan penduduk Kuantan yang menetap disana mengenali beliau dan mereka semua mengetahui bahawa songkok gundal merupakan pilihan utama Yang Di- Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah, adindanya Tengku Abdul Rahman dan juga kerabat yang lain. Selain itu, anggota pihak istana juga akan memakai songkok gundal ketika mereka mempunyai upacara yang penting di istana. Songkok gundal juga telah menjadi pilihan mereka kerana kain yang lebih selesa dan tidak panas apabila dipakai.

Mohamad Azim Fitri Abd Aiziz (2019) telah menulis di Berita Harian Online mengenai Songkok Gundal yang telah menjadi pilihan Al-Sultan Abdullah sejak lebih 20 tahun. Di dalam penulisan beliau juga telah menyatakan bahawa kemahiran yang dimiliki oleh Encik Ismail iaitu generasi ketiga dalam pembuatan Songkok Gundal ini telah mendapat permintaan yang berterusan dan tidak putus dari golongan kerabat di raja Pahang serta warga Kuantan. Hal ini kerana, ketelitian dan kehalusan dalam pembuatan songkok yang diperbuat sepenuhnya secara tradisional di kedai beliau yang terletak di Bandar Kuantan telah menarik minat pembelinya. Sehingga ke hari ini, Encik Ismail masih lagi aktif bahkan setiap enam hari seminggu bekerja membuat songkok di kedainya.

Kualiti songkok yang baik merupakan salah satu kriteria pemilihan yang akan diukur oleh pembeli, bagi Encik Ismail yang merupakan pembuat Songkok Gundal haruslah sentiasa kemas dan teliti agar mereka yang memakainya akan berasa selesa dan puas hati. Berdasarkan penulisan dan rakam video untuk Berita Harian Plus yang disediakan oleh Nik Sukry Ramli (2017), Songkok Gundal aksesori pilihan kerabat diraja. Jahitan yang kemas dan hasil kerja yang teliti pada Songkok Gundal menjadikan ianya berbeza daripada songkok yang dijual di pasaran. Tempahan yang tidak pernah putus pada musim perayaan terutamanya telah menunjukkan bahawa songkok ini menjadi pilihan ramai. Tidak hanya pelanggan di sekitar Kuantan sahaja yang membeli songkok ini, bahkan seluruh Malaysia serta ada juga pembeli dari luar negara yang menempah Songkok Gundal.

Berdasarkan video yang dirakam oleh Astro Awani bertajuk ‘Songkok Gundal pelengkap pakaian di Hari Raya’ (2018), menceritakan mengenai pengusaha songkok tertua di Pahang. Menurut wawancara video tersebut, Songkok Gundal telah diwarisi oleh generasi ketiga iaitu Encik Ismail dan nama Gundal telah digunakan sejak tahun 2007 sempana nama arwah ayahnya iaitu Ahmad Gundal yang telah mewarisi seni pembuatan songkok bapanya yang berhijrah dari Sumatera ke Pahang. Penelitian pada setiap proses pembuatan Songkok Gundal menjadikannya pilihan ramai orang yang terutamanya mereka yang mementingkan keselesaan dan ketelitian pada songkok tersebut.

Muhammad Yusri Muzamir (2015), ‘Pembuatan songkok ikut cita rasa pembeli’ dalam Berita Harian Online mengisahkan mengenai pembuat songkok yang menetap di Pulau Pinang. Menurut Haji Mohidin OSM Mohd Shariff yang merupakan seorang pembuat songkok, aksesori kepala itu sudah jarang dipakai oleh masyarakat sekarang. Pemakaian songkok hanya kebiasaanya akan dipakai sewaktu solat sunat Hari Raya dan pada majlis perkahwinan sahaja. Songkok yang dihasilkan oleh anak jati Pulau Mutiara itu juga telah mendapat perhatian dan sering ditempah oleh individu serta ahli politik di Pulau Pinang kerana keemasan serta hasil pembuatan yang rapi menjadikan songkok buatan terkenal. Songkok yang dibuat oleh beliau juga sering mengikuti citarasa pembeli seperti bahan yang digunakan dalam pembuatannya terutama sekali ialah jenis kain iaitu kain baldu dan sutera.

Nazri Abu Bakar (2016), ‘Songkok tinggi jadi promosi budaya Melayu’ dalam Berita Harian mengisahkan tentang seorang lelaki anak jati Tangkak, Johor yang telah berusia 51 tahun iaitu Encik Idris Bin Jaafar yang tidak pernah berputus asa mendaulatkan atau mempopulerkan kembali pemakaian songkok di kalangan anggota masyarakat. Encik Idris akan berjalan di kawasan atau tempat lokasi orang ramai atau pelancong sering berkumpul sambil memakai songkok setinggi 25 sentimeter buatan tangannya. Orang ramai yang melihatnya kadang kala akan berhenti dan mengajaknya untuk bergambar bersama dan ini membuatkan dia bangga dengan setiap usahanya mempopulerkan pakaian tradisional iaitu songkok di kalangan masyarakat. Beliau juga berharap dengan usahanya kaum lelaki bukan hanya memakai ketika perlu sahaja tetapi memakainya secara berkala supaya ia tidak dilupakan.

Seterusnya, Khalid Latip (2016), ‘Songkok tinggi Ana jadi pilihan di Sarawak’ dalam Berita Harian, mengisahkan tentang seorang wanita berusia 48 tahun iaitu Pengusaha Songkok Tinggi Ana yang bernama Marina Bolhasan telah menjadikan songkok tinggi buatan tangannya sebagai pendapatan utama keluarganya dengan giat menghasilkan songkok yang hampir mencelah ketinggian hampir 8 inci sekaligus telah membuatkan songkok buatan tangannya telah mendapat sambutan yang menggalakkan setiap kali tiba waktu perayaan. Keunikannya juga telah menjadi trend semasa yang telah berkembang di negeri Sarawak sehingga berjaya menarik perhatian generasi muda di sana.

‘Perniagaan songkok turut terjejas’ yang dipetik daripada Sinar Harian (2020), menceritakan mengenai pendapatan pengusaha songkok telah terjejas semenjak pandemik Covid-19 melanda dunia pada akhir tahun 2019. Justeru itu, menurut Norazwani Yusof peniaga songkok telah mendapat kurang sambutan daripada kebiasaanya terutama sekali pada musim hari raya. Berbeza pula dengan artikel yang ditulis oleh Amran Yahya mengenai ‘Songkok ikut daerah’. Berdasarkan temubualnya bersama Pengusaha Sinar Songkok Melayu, Mohd Fahirurazi Yahya menceritakan songkok yang dihasilkan beliau kebanyakkannya mengikut daerah yang terdapat di Johor. Setiap daerah didatangkan ciri-ciri khas pada songkok tersebut seperti warna dan rekaan coraknya. Songkok yang dihasilkan beliau kebanyakkannya tidak menggunakan bahan asas yang terdapat pada kebiasaan songkok seperti kain baldu, tetapi beliau telah mengubahnya menggunakan kain berwarna yang dapat melambangkan perbezaan daerah di negeri Johor. Baginya, walaupun songkok hanya dipakai pada hari tertentu dan jualnya mengikut musim, tetapi keunikan yang dihasilkan beliau tetap menarik pembeli termasuklah pembeli dari luar negara.

Ismail Ali (2019), ‘Dilema pembuat Songkok terakhir’ dalam Berita Harian, Singapura menceritakan serba sedikit tentang pengalaman si pembuat songkok iaitu Haji Abdul Wahab Bin Abdullah yang telah mengusahakan kedai aksesori pakaian tradisional dan moden di tingkat bawah Tanjong Katong Complex bersama isterinya. Sudah berpengalaman selama hampir 37 tahun dalam pembuatan songkok menyebabkan kadang kala hatinya sedikit terkilan kerana kemahiran dan pembuatan ini semakin hari semakin dilupakan oleh masyarakat terutamanya generasi muda. Beliau berharap akan ada satu masa pakaian tradisional ini akan diangkat semula dan kembali menjadi popular. Oleh itu, setiap kali pelanggan menjakkan kaki di kedainya, segala tips atau langkah-langkah penjagaan songkok akan di kongsikan kepada pelanggan supaya songkok tersebut dapat bertahan lama.

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang pakaian tradisional. Bersama-sama kami ialah Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal yang merupakan seorang pengusaha songkok di Kuantan, Pahang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 17 Disember 2020 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2:30 petang bertempat di Toko Sinar Maju, Kuantan, Pahang. Temubual ini di kendalikan oleh Che Wan Nurmas Azura Binti Che Wan Hasanuddin dan Nur Haziqah Binti Anuar. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

SESI TEMUBUAL

CWN: Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum pakcik.

IAG: Waalaikumussalam warahmatullahi hiwabarakatuh.

CWN: Pakcik sihat hari ini?

IAG: Alhamdulillah, sihat.

CWN: Boleh tak pakcik ceritakan tentang latar belakang diri pakcik kepada kitaorang [kami]?

IAG: Boleh lah pakcik cerita setakat mana yang pakcik mampu nak cerita.
Apa dia tu [itu]?

NHA: Nama- pakcik?

IAG: Nama penuh pakcik? Nama penuh pakcik, Ismail Bin Haji Ahmad Gundal

NHA: Nama panggilan pakcik ada tak?

IAG: Nama panggilan itu panggilan di mana itu? Panggil dalam anak-beranak ke panggil orang ke?

(mencelah)

CWN: Boleh-boleh je [sahaja] –

(mencelah)

NHA: Ha, boleh-boleh sahaja. –

(mencelah)

IAG: Kalau –

(mencelah)

NHA: Yang waktu- zaman dulu ke, zaman sekarang ke?

IAG: Orang panggil- Pak Mail.

NHA: Pak Mail? Kalau waktu pakcik kecil-kecil dulu- waktu zaman sekolah ke?

IAG: Mail sahaja.

NHA: Mail?

IAG: A'ah.

CWN: Hmm, pakcik dilahirkan dimana?

IAG: Pakcik dilahir di Hospital Besar Kuantan [Pahang, Malaysia].

CWN: Dan pakcik dibesarkan di-

IAG: Di Kuantan, Bandar Kuantan.

CWN: Hmm, apa hobi pakcik?

IAG: Pakcik banyak hobi. Tapi [tetapi] hobi tak lekat. Hobi- maksudnya tak beria [bersungguh-sungguh] semua ada. Main badminton ke, bola ke, memancing ke, lumba kereta ke, lumba motor ke, semua ada. Tetapi bukan hobi yang, suka-suka –

(mencelah)

NHA: *Specific [khusus]-*

IAG: A'ah.

NHA: Tarikh lahir pakcik bila?

IAG: Hmm, dua belas Oktober 1960 [12.10.1960].

NHA: Pakcik memang asal dari Kuantan ke?

IAG: Memang pakcik asal daripada Kuantan, tetapi mak bapak [ibu bapa] pakcik berasal- dari Sumatera, Indonesia.

CWN: Hmm, sepanjang pakcik hidup ni [ini], apa prinsip atau motto hidup pakcik?

IAG: Umph, ingin berjaya sahaja lah.

CWN: Okey, sekarang ke- beralih ke soalan lain. Boleh tak pakcik ceritakan tentang sedikit latar belakang tentang ibu bapa pakcik?

(mencelah)

NHA: Nama-

IAG: Mm-mm (berdehem). Dia cerita kalau ikut mula-mula dahulu bapa ini dia [merujuk kepada bapa tokoh] datang ke Malaysia ini dia bujang. Umur- berapa tahun- belasan tahun ke- puluhan tak tahu lah. Datang merantau sini ke Malaysia mencari ayah dia. Tetapi, ayah dia tak ada di Kuantan, ayah dia ada di Kuala Lipis [Pahang, Malaysia]. Selepas dia berjumpa dengan ayah dia- pun balik semula ke Indonesia, kahwin. Ini cerita ringkas sahaja lah. Lepas [selepas] dia kahwin, dia bawa ke umph, mak saya itu- ke sini, duduk lah di Kuantan. Ayah dia semua ayah dia itu pun- dia ambil dari Kuala Lipis dia bawa lah ke Bandar Kuantan. Dan lahirlah kami sebelas orang adik-beradik.

CWN: Hmm, apa nama- ayah pakcik?

IAG: Hmm, tak tahu lah saya ini pun mendengar orang-orang sana berkata nama dia sebenar dia ini Syed Abdul Rahman. Tetapi disebabkan dia ini, adik-beradik dia ini lima orang, dia anak yang tunggal yang sulung- jadi tukar lah nama jadi Gundal, kalau ikut matematik bundal [bundar] kan? Tunggal- dia tunggal lelaki, jadi panggil nama Gundal. Ha-, itu lah lekat nama dia sampai di Malaysia ini pakai itu lah nama Gundal. (bunyi mesin)

CWN: Okey, sekarang kita masuk ke soalan lain. Boleh tak pakcik cerita sikit sahaja pasal [mengenai] latar belakang adik-beradik pakcik?

IAG: Latar belakang adik-beradik--

(mencelah)

CWN: Berapa orang lelaki berapa orang perempuan.

IAG: Umph, adik-beradik pakcik- umph, enam lelaki empat perempuan. Pakcik anak yang ketujuh.

NHA: Ha, ada tak dalam kalangan ahli keluarga pakcik yang turut sama umph, buat dalam Songkok Gundal ini?

IAG: Adik yang ke- sembilan, lelaki. Dia pandai buat tetapi dia tak usahakan macam pakcik buat sekarang. Dulu dia usaha buat sekejap buka kedai lepastu [selepas itu], entah macam mana dia tutup kedai, dia tidak buat dah. Jadi tinggal pakcik seorang sahaja lah yang buatnya. Jadi dalam kalangan- dalam adik beradik pakcik itu dua orang lah yang pandai buat songkok.

NHA: Hmm, boleh tak pakcik cerita latar belakang keluarga pakcik sekarang? (tokoh batuk)

IAG: Keluarga pakcik?--

(mencelah)

NHA: A'ah, yang sekarang ini. Isteri pakcik, anak-anak pakcik.

IAG: Anak-anak pakcik semuanya sembilan orang.

NHA: Berapa lelaki?

IAG: Enam lelaki dan tiga perempuan.

NHA: Nama isteri pakcik siapa?

IAG: Norizan Binti Mamat.

NHA: Hmm, isteri pakcik pon [pun] membantu tak pakcik dalam perusahaan songkok?

IAG: Ya. Dia membantu.

NHA: Boleh tak pakcik ceritakan latar belakang pendidikan pakcik? –

(mencelah)

IAG: Pendidikan pakcik, sekolah –

NHA: Sekolah, tadika--

IAG: sekolah pakcik- sampai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sahaja.

NHA: Kat [di] mana sekolah pakcik itu, hmm- kalau pakcik masih ingat.

IAG: Daripada darjah satu? –

CWN: Ha.

IAG: Pakcik sekolah banyak, *member* [kawan] pun banyak. Sekolah pertama darjah satu tahun 1967, Sekolah Kebangsaan Permatang Badak, Kuantan [Sekolah Rendah Kebangsaan Permatang Badak Kuantan,Pahang]. Darjah dua darjah tiga, Sekolah Rendah Kebangsaan Batu Lapan, Jalan Gambang, Kuantan. Yang kini bertukar nama- Sekolah Rendah Kebangsaan Haji- Fakih. Ha- Sekolah Kebangsaan Haji Fakih (sic, Sekolah Kebangsaan Fakih Abd. Samad).

NHA: Darjah empat dan darjah lima?

IAG: Darjah empat hingga lima, Sekolah Rendah Kebangsaan Batu 3, Jalan Gambang. –

(mencelah)

NHA: Sekolah menengah?

IAG: Darjah lima darjah enam, Sekolah Rendah Kebangsaan Teruntum, Kuantan. Itu kan pakcik khabo [beritahu] tadi banyak sekolah (ketawa). Tingkatan satu, dua, tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Akar, Kuantan. Empat, lima- Sekolah Menengah Vokasional. Habis. Sampai tahun 1977. (bunyi mesin)

NHA: Dekat Sekolah Vokasional itu ke pakcik belajar buat songkok?

IAG: Pakcik tak belajar buat songkok. Pakcik belajar songkok dengan arwah [Allahyarham] ayah. Di sekolah vokasional, pakcik belajar- *course machine* [kursus kejuteraan mesin].

NHA: Ada tak kenangan yang pakcik tak boleh lupakan sepanjang alam persekolahan. Ada tak?

IAG: Banyak.

NHA: Yang paling pakcik tak boleh lupa?

IAG: Selalu kena pukul di [dengan] cikgu. Sebab orang baik. Itu sahaja lah, bergaduh. Biasa lah orang dulu-dulu.

NHA: Tahun tamat alam persekolahan pakcik ingat tak?

IAG: 1977 [tahun]. Tingkatan lima tadi.

NHA: Adakah pakcik dah ada minat dalam membuatan songkok waktu zaman persekolahan lagi?

IAG: Belum. –

(mencelah)

NHA: Belum-

IAG: Selepas habis sekolah tahun 1977, pakcik merantau dekat Pekan, Pahang. Baiki- belajar cara baiki kereta atas sekolah vokasional tadi lah. Tetapi, tak tahan lama, dalam setahun setengah, arwah bapa panggil semula balik sebab tak ada orang nak buat songkok. Jadi, pakcik balik semula ke Kuantan ini, belajar lah dan sampai lah sekarang tujuh puluh sembilan [tahun 1979]

CWN: Okey, macam pakcik cakap tadi, pakcik belajar buat songkok tahun 1977–

(mencelah)

IAG: Kalau masa sekolah dah ada belajar, tetapi tak pandai lagi, ikut-ikut begitu sahaja, yang sebetul-betulnya *start* [bermula] tahun 1979 sampai sekarang.

CWN: Selepas itu, berapa lamakah pakcik mengambil masa untuk belajar membuat satu songkok?

IAG: Lebih kurang dalam enam bulan, baru mahir betul buat songkok.

CWN: Hmm, tempat pakcik belajar membuat songkok?

IAG: (Mengeluh) Tempat sekarang dah ada dah, tinggal kenang-kenangan sahaja lagi. Sekarang tempat itu dah berdiri menara. Nama tempat itu, Medan Pelancong [Bandar Kuantan, Pahang]. (bunyi mesin)

CWN: Hmm, sejak daripada dahulu lagi, pakcik ingat tak berapa banyak dah jenis songkok yang pakcik buat?

IAG: Banyak, tak boleh bilang lah. Banyak- ha, banyak. Banyak jenis-jenis dia. *Pattern-* (corak) pun banyak, tak kurang dari sepuluh jenis lah. *Pattern-patern* apa yang nak, pakcik buat.

NHA: Antara yang *famous* [popular] selalu?

IAG: Biasa lah, yang biasa sekali ini sahaja lah, songkok tinggi orang panggil itu.

CWN: Okey, macam pakcik cakap tadi, pakcik sendiri belajar dengan arwah ayah pakcik kan? –

(mencelah)

IAG: Ya.

CWN: Jadi, waktu- semasa dia mengajar buat songkok itu, macam mana sikap beliau sewaktu mengajar?

IAG: Biasalah seorang guru. Kalau salah kan kena marah. Biasa sahaja, biasa.

CWN: Apa perasaan pakcik waktu itu bila [sewaktu]- belajar songkok daripada keluarga?

IAG: Pakcik terpaksa kena belajar sebab dah tak ada orang yang lagi dah nak ambil alih, pembuatan songkok ini. Adik-beradik lain tak ada yang ada pakcik sahaja. Yang abang-abang lain itu semua kerja dengan kerajaan, kakak kerja kerajaan. Jadi tiada, saya tiada kerja dimana-mana. Selepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tiada kerja jadi, saya ambil alih lah. Saya buat lah.

CWN: Jadi, pada tahun berapa ya, betul-betul pakcik betul menceburi bidang ini secara *serius* [bersungguh-sungguh]?

IAG: Tahun 2000-2018 ke 2019. Bapa- bagi kuasa penuh kedai itu perusahaan songkok kepada saya. Daripada 2019, 2018, 2019- 2019 ke 2018 [tahun] antara itu lah. Hmm- dua ribu pulak [pula] dah sembilan belas

(mencelah)

Isteri tokoh: sembilan belas –

(mencelah)

NHA: Sembilan belas tujuh puluh sembilan [tahun 1979]? –

IAG: 1979 [tahun], eh *no-* [tidak] sembilan belas- berapa ya, sembilan belas satu, sembilan belas dua. Sembilan belas- lapan puluh-. “kahwin dengan ibu, 2002 [tahun] ibu?” (memandang dan bertanya kepada isterinya). 2000. Medan Pelancong –

(mencelah)

Isteri tokoh: “Dekat Madan Pelancong kan” jawab isteri tokoh –

(mencelah)

IAG: Ya. “Jadi sembilan belas berapa dah- abah [arwah bapa tokoh] bagi?”
tanya tokoh kepada isterinya-

(mencelah)

Isteri tokoh: “sebelum daripada itu” jawab isteri tokoh –

(mencelah)

IAG: 2009 –

(mencelah)

Pekerja tokoh: “Eh, mana 2009, 1990, 1995 [tahun]” jawab pekerja tokoh –

IAG: Ha, antara gitu [begitu] lah- sembilan belas- *no*-,

(mencelah)

Isteri tokoh: sembilan puluh lapan begitu lah –

(mencelah)

IAG: arwah ayah bagi penuh- dia meninggal dua ribu tiga. Jadi dia bagi 1997
[tahun].

NHA: Maknanya 1997 [tahun] lah pakcik dah bersungguh-sungguh dalam

(mencelah)

IAG: baru lah pakcik ambil alih –

(mencelah)

NHA: Pakcik ambil alih?

IAG: yang sepenuhnya. A'ah.

NHA: Adakah arwah ayah pakcik pun berguru dengan guru lain?

IAG: Ayah dia-

NHA: Apa nama arwah atuk pakcik?

IAG: Hmm, pakcik tak ingat nama penuh, pakcik ingat nama dia Mat Chontor.
'R' bukan 'H', 'R', Chontor. Mat Chontor nama datuk saya. Orang,
Indonesia, Sumatera

CWN: Adakah pakcik meletakkan perusahaan songkok ini sebagai sumber pendapatan utama?

IAG: Ya.

CWN: Bagaimanakah penerimaan atau sambutan pelanggan?

IAG: Menggalakkan

(mencelah)

NHA: Pada zaman yang mula-mula pakcik bermula, adakah orang waktu itu pun memang dah- beli songkok waktu itu?

IAG: Memang dah ada dah sebelum daripada itu lagi pun. Memang dah- sebab di Kuantan ini, bapa sahaja lah yang buat songkoknya –
(mencelah)

NHA: Dekat kawasan sini?

IAG: A'ah, kawasan sini. Di Bandar Kuantan ini betul. Ada dulu tetapi semua dah habis, tinggal arwah ayah seorang sahaja- dan saya sekarang.

NHA: Maknanya, arwah ayah pakcik pun menjual songkok lah kan?

IAG: Ya, menjual songkok.

CWN: Bagaimanakah reaksi arwah ayah pakcik bila [apabila]- tengok pakcik sudah betul- bersungguh-sungguh untuk menghasilkan songkok ini?

IAG: Maksudnya itu

NHA: Apakah reaksi beliau?

IAG: Reaksi beliau- dia tengok pakcik dah pandai buat songkok, itu yang dia bagi itu. Dia apa- dia serahkan kedai itu, dah pakcik dah boleh buat, pakcik dah boleh menjayakannya.

NHA: Sekiranya, pakcik masih ingat, berapakah pendapatan pertama waktu pakcik dah ambil alih perusahaan songkok itu. Pendapatan pertama yang pakcik dapat, kalau pakcik ingat lah.

IAG: Seingat pakcik, gaji kerja sahaja yang pakcik ingat. Gaji kerja pakcik seratus lima puluh ringgit [RM150] sahaja. Tahun- sebelum daripada itu lah. Sebelum dia bagi alih- perusahaan songkok pada pakcik, gaji pakcik seratus ringgit [RM100] lebih sahaja dalam dua ratus ringgit [RM200] sahaja. Selepas daripada itu, pakcik ambil alih, tak ingat lah berapa dia punya pendapatan. Tetapi boleh lah dalam lima ratus [RM500], enam ratus ringgit [RM600] dapat lah sebulan hasilnya pada tahun itu. Berbanding sekarang lebih lah

NHA: Pada peringkat awal, ada tak cabaran-cabaran sewaktu pakcik bermula-mulakan perniagaan ini, ada tak?

IAG: Tak, tiada.

NHA: Ada tak- perusahaan ini- waktu nak membina perusahaan ini, pakcik apa, mohon- dana ke untuk membangunkan perusahaan ini?

IAG: Ada juga dua tiga kali minta dengan TEKUN [Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga]. Tetapi tak banyak lah, sikit sahaja. TEKUN tak bagi banyak- ada juga buat pinjaman.

NHA: Pada pandangan pakcik, macam mana kerajaan tempatan mengiktiraf songkok ini?

IAG: Macam mana ya-. Iktiraf itu maksudnya macam mana?

NHA: Macam, songkok waktu zaman mula-mula dahulu dia jadi *popular* dengan cara adakah kerajaan dia macam-

IAG: Tak ada- Saya tiada kerajaan untuk membantu tak ada. Kecuali kalau ada pun lah, kalau kerajaan nak itu pun- bahagian pejabat-pejabat sahaja lah. Pejabat-pejabat dia ada ambil untuk pakaian-pakaian pekerja itu sahaja. Tetapi, untuk mengambil saya ditaruk [diletakkan] satu tempat untuk bercerita- tiada.

NHA: Ada tak terdapat persaingan daripada perusahaan-perusahaan songkok lain

IAG: Tiada.

NHA: Apa sokongan dan galakan yang diberikan oleh ahli keluarga pakcik sewaktu pakcik bermula membuat apa- menyambung perusahaan ini?

IAG: Memang- bagi sokongan sahaja lah.

(mencelah)

NHA: Macam mana itu

IAG: Sokongan dia memang terpaksa kena bagi saya sebab tak ada orang lain dah nak ambil alih. Terpaksa kena bagi ke saya, untuk meneruskan songkok ini- makna kalau tak serah ke saya pun, tak bagi ke saya pun, tak bagi galakan ke saya pun, memang saya kena ambil juga. Ha, sebab yang lain itu semua dah ada bidang-bidang lain. Jadi, bidang songkok ini tak ada, pakcik sahaja yang ada.

NHA: Kat mana letak lokasi perusahaan ini?

(mencelah)

CWN: Tempat lama –

NHA: Tempat lama dan kalau ada tempat baru ke?

IAG: Tempat yang pakcik belajar dahulu, yang pakcik kata tadi lah- masa tahun- habis sekolah, pakcik- tahun 1977 hingga 1978 itu-

(mencelah)

NHA: Yang menara tadi? –

IAG: yang menjadi tempat menara sekarang iaitu di Medan Pelancong nama tempat itu. Selepas itu, selepas dia robohkan Medan Pelancong, pakcik dapat ganti- bukan dapat ganti lah, pakcik cari sendiri lah, pakcik sewa kedai ini, di nombor tujuh puluh empat-, lot tiga puluh sembilan, Jalan Besar Kuantan [Nombor 74, Lot 39, Jalan Besar Kuantan], berhadapan juga dengan menara itu- iaitu Medan Pelancong lama.

NHA: Pakcik pernah tak mengajar orang luar selain daripada pekerja pakcik untuk menghasilkan Songkok Gundal

IAG: Ada-ada –

CWN: Berapa orang pakcik?

IAG: Lebih kurang dalam- dua orang, tiga orang lah. Tak banyak, sebab pakcik pun malas nak mengajar orang.

NHA: Berapa lama pakcik ambil masa untuk mengajar diorang?

IAG: Dalam setahun.

NHA: Ada tak yang dalam kalangan yang pakcik dah ajar itu dia buka perusahaan songkok?

IAG: Rasa-rasanya tak ada. Sebab dia kata songkok ini rumit, cerewet- sebab songkok ini banyak- dia punya itu dia. Dia punya apa nama itu dia bahagian-bahagian dia itu banyak. Jadi leceh [payah]. Itu yang tidak berminat itu. Pandai dia (merujuk kepada pelajarnya) pandai

NHA: Apakah cabaran untuk mengajar generasi baru? Ada tak cabaran untuk ajar generasi baru. Macam yang- anak didik pakcik yang itu. Ada tak cabaran sewaktu mengajar diorang?

IAG: Cabaran dia?

(mencelah)

NHA: A'ah, macam susah nak –

IAG: susah lah. Apa ini- kalau bagi dia itu- susah lah- susah. Pakcik pun, mengajar pun, cara garang juga. Jadi diorang [mereka] ini nak boleh ke itu memang perit sikit lah. Memang susah sikit lah cabaran pada dia.

NHA: Pernah tak pakcik berhasrat nak berkolaberasi dengan Kolej Komuniti ke, Giat Mara ke dalam pembuatan songkok ini?

IAG: Kalau ada orang panggil. Berminat –

(mencelah)

NHA: Setakat ini ada? –

IAG: “Tak ada kan?” bertanya kepada pekerjanya. Tak ada. (ralat perbulan tokoh dan pekerjanya).

NHA: Kalau ada pakcik nak –

(mencelah)

CWN: Terima tak –

NHA: Nak terima tak?

IAG: Terima kalau kena dengan cara dia. Sebab kalau pakcik pergi pun- di sini tiada pengganti dia. Ha, macam mana itu? Ha, itu dia kena dengan cara dia boleh lah.

NHA: Pernah tak pakcik terfikir nak membuat kursus yang berbayar untuk mengajar teknik pembuatan songkok?

IAG: Nak. Tetapi pakcik tak pandai cara dia. Pakcik sekolah rendah. Tak ada kelulusan macam mana cara nak buat. Teringin nak –

(mencelah)

IAG: sebulan boleh? Boleh ke bayar RM15 ribu sebulan? *Go on* [teruskan].
Okey.

CWN: Boleh tak pakcik ceritakan sikit mengenai songkok, sejarah songkok kepada kami

(mencelah)

NHA: Songkok di Malaysia –

(mencelah)

CWN: A'ah, kami nak tahu –

IAG: Jenis-jenis songkok? Ke macam mana?

CWN: Apa yang pakecik tahu mengenai songkok?

(mencelah)

NHA: Songkok dekat Malaysia –

IAG: Payah nak jawab soalan itu. Apa dia ya- songkok kat [di] Malaysia?
Jenis-jenis- songkok saya tahu –

(mencelah)

CWN: Ha, boleh lah jenis-jenis songkok, pakecik.

IAG: yang pakecik boleh sebut- yang kata itu lah- songkok rendah, songkok tinggi, songkok bulat, songkok penjong –

(mencelah)

CWN: Dekat Malaysia kan –

IAG: ada yang tinggi-tinggi pun ada orang buat. Dia macam ini (ambil menunjukkan lakaran) ha, gitu [begini] pun ada –

(mencelah)

NHA: Macam arab punya itu ke? Tiga segi bukan –

IAG: Bukan-bukan

CWN: Kalau songkok Nusantara pakcik tahu tak ada berapa banyak jenis?

IAG: Tak tahu-

CWN: Apakah keistimewaan Songkok Gundal pada pakcik?

IAG: Songkok Gundal ini dia keistimewaan dia, orang pakai itu sedap, selesa, tahan. Itu sahaja lah. Pembuatan dia itu kelas- tak sama dengan pembuatan orang lain.

NHA: Songkok di Malaysia, pada pendapat pakcik- songkok di Malaysia dipengaruhi oleh negara mana?

IAG: Indonesia.

NHA: Kenapa songkok ini dinamakan Songkok Gundal?

IAG: Sebab di Kuantan ini orang terkenal apabila orang sebut nak beli songkok sahaja pergi kedai Gundal, Haji Gundal- nak beli songkok sahaja pergi kedai Haji Gundal, zaman dulu. Jadi dengan selepasnya dia [Haji Gundal] meninggal- saya ambil nama itu, saya buat pada songkok saya Songkok Gundal.

NHA: Bagaimana Songkok Gundal boleh dikenali ramai? Ada tak cerita disebalik itu.

IAG: Tiada cerita. Anak-anak masuk dalam *Facebook* [social media]. Selepas itu, daripada mulut ke mulut, jabatan ke jabatan. Itu sahaja.

NHA: Selain daripada orang tempatan, golongan mana yang menerima Songkok Gundal ini?

IAG: Bangsawan-bangsawan.

NHA: Sejak tahun bila Songkok Gundal ini dipakai oleh golongan bangsawan?

Antara bangsawan yang pernah memakai Songkok Gundal ini, siapa?

IAG: Kerabat di raja lah.

(mencelah)

NHA: A'ah, kerabat di raja negeri mana? –

IAG: Pahang.

NHA: Siapa- yang pernah memakai?

IAG: Kalau dengan arwah ayah saya dahulu, mula daripada Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah [Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah merupakan Sultan Pahang kelima sejak Mei tahun 1974 hingga Januari 2019].

(mencelah)

NHA: Selepas itu –

IAG: Ya lah, bermula daripada itu sampai ke sekarang, sampai turun ke anak dia, sampai ke Agong. Sampai ke- ha, macam itu lah. Daripada Sultan Ahmad Shah sampai ke Agong sekarang [Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah merupakan anakanda Almarhum Sultan Pahang kelima, dan beliau telah dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong ke enam belas pada tiga puluh satu Januari 2019 [tahun] sehingga kini], sampai ke anak dia- Agong sekarang. Cucu dia, cucu-cucu dia semua. Cucu-cucu Sultan Ahmad Shah termasuklah anak Tengku Rahman.

NHA: Ada tak songkok yang *spesifik* [khas] yang kerabat di raja Pahang yang tempah dekat pakcik?

IAG: Ada.

NHA: Apa jenis dia?

IAG: Dia biasa sahaja, macam orang biasa juga cuma [hanya] keistimewaan dia itu dia- baldu yang cantik, jahitan, yang kemas, yang paling kemas itu saya buat untuk dia. Itu sahaja keistimewaan dia, *pattern* [corak] dia.

NHA: Ada berapa jenis jahitan yang terdapat dalam songkok?

IAG: Satu, dua, tiga- jenis jahitan.

NHA: Ada tak nama untuk jahitan itu?

IAG: Tiada.

NHA: Apa perbezaan ketara antara Songkok Gundal dengan songkok biasa yang ada dekat pasaran?

IAG: Jahitan.

NHA: Jahitan Selain daripada jahitan?

IAG: Jahitan sahaja lah. Jahitan dia. Jahitan ataupun pemasangan. Kemas dengan tidak kemas. Tegang atau tidak tegang baldu itu. Lembik atau keras- dia punya pelan- sarang songkok itu. Itu sahaja beza dia. Sarang songkok pakcik keras, kemas jahitan dia- yang di luar ini jahitan dia dah langkah panjang-panjang, kemudian lembik. (tokoh batuk)

NHA: Apakah *tips* [petua] penjagaan- songkok supaya, songkok itu tidak mudah rosak atau kotor? Ada tak petua dia?

IAG: Petua dia- pertama sekali waktu kita pakai songkok itu, kita ada keramaian makan ke apa ke waktu itu kita kena jaga tangan kita itu jangan sekali-sekali pegang songkok. Sebab makanan yang ada pada tangan kita, sentuh sahaja pada baldu songkok itu apabila kita simpan, lipas akan makan dan songkok itu akan jadi berlubang baldu itu. Itu sahaja. Kalau boleh, berus- simpan masuk semula dalam kotak. Insya-Allah, dua puluh tahun tahan.

CWN: Berus apa itu pakcik, berus biasa?

IAG: Berus biasa sahaja lah.

NHA: Kat Bandar Kuantan ini, berapa ramai yang turut mengusahakan perniagaan songkok?

IAG: Tiada.

NHA: Pakcik-pakcik –

(mencelah)

IAG: Seorang sahaja.

CWN: Apa peralatan yang pakcik- perlukan untuk membuat songkok? Peralatan utama. Boleh pakcik bagitahu tak peralatan dia?

IAG: Untuk membuat songkok itu. Biasa sahaja lah- *chipboard*, kain, benang.

NHA: Boleh tak pakcik terangkan proses [langkah] – boleh terangkan sedikit tentang langkah awal untuk menghasilkan songkok- macam mana mula-mula nak hasilkan Songkok Gundal itu?

IAG: Macam mana nak cerita ya –

(mencelah)

NHA: Tak apa pakcik cerita sahaja panjang-panjang –

(mencelah)

CWN: Kami dengar –

IAG: Ikkutkan macam itu lah kalau nak tunjuk contoh ini, selepas itu jahit. Okey lah, kalau nak ceritakan buat daripada mula-mula potong kertas, potong kain apabila dah siap jahit itu, nak jadikan sebiji songkok itu-pakcik boleh ambil masa dalam satu jam setengah ke dua jam lah baru siap sebiji songkok –

(mencelah)

NHA: Siap cerita?

IAG: Bermula daripada mula-mula potong kain, potong kertas. Selepas itu jahit-

(mencelah)

NHA: Maknanya step [langkah] pertama-

(mencelah)

IAG: jadikan sebiji songkok –

(mencelah)

NHA: Langkah pertama, potong- kain –

(mencelah)

IAG: Potong kain, potong kertas itu. Jahit- kemudian jahit lagi.

NHA: Kertas itu ada tak khas kertas yang pakcik guna?

IAG: Ada.

NHA: Jenis yang macam mana pakcik guna? –

(mencelah)

IAG: *Chipboard*, kertas *chipboard* –

(mencelah)

CWN: Macam mana ej?

(mencelah)

IAG: Ha, dia ada gram-gram dia. Tebal nipis dia.

NHA: Pakcik guna yang mana? –

(mencelah)

IAG: Ha, empat ratus lima puluh [450gram], lima ratus [500gram], enam ratus lima puluh [650gram] ketebalan dia

NHA: Ketebalan itu- pun berbeza untuk setiap songkok?

IAG: Berbeza. Kalau songkok budak nipis sikit. Tebal dia punya *chipboard* tadi itu.

NHA: Saiz dia saiz untuk buat songkok itu pun ukuran dia macam mana?

IAG: Ukur inci. Pakcik gunakan inci.

CWN: Potong kertas itu pakcik pakai mesin ke tangan?

IAG: Hantar pergi ke- percetakan, potong. Ikut saiz-saiz dia.

(mencelah)

CWN: Pakcik tak buat sendiri lah.

NHA: Dari mana pakcik dapat kertas itu?

IAG: Daripada- pembekal.

(mencelah)

NHA: Boleh tahu tak siapa pembekal itu? –

(mencelah)

CWN: Nama pembekal -

IAG: Kedai menjual alat tulis.

(mencelah)

CWN: Dekat Kuantan juga lah.

IAG: Kuantan juga.

NHA: Kalau kain, apa jenis kain yang pakecik guna- untuk membuat songkok?

IAG: Maksudnya baldu dia?

NHA: Ha, bukan-bukan. Kain –

(mencelah)

CWN: Yang nak lapik kertas.

IAG: Itu biasanya pakecik beli daripada- lebihan-lebihan, perca-perca daripada- kedai-kedai yang mem-buat baju, butik. Jadi orang tempah baju, hantar kain kan, jadi yang lebihan-lebihan itu pakecik beli timbang kilo [kilogram], selepas itu pakecik gunting-gunting, lapik dia, untuk jadikan lapik- songkok.

NHA: Selepas lapik songkok apa langkah berikutnya –

(mencelah)

IAG: Lapik songkok? Lapik apa nama dia –

NHA: Lapik kertas, apa –

(mencelah)

IAG: Jahitlah- jahit.

NHA: **Jahit pakcik guna apa, jahit?**

IAG: Mesin.

NHA: **Ada- guna tiga jenis jahitan itu lah tadi- yang pakcik dah sebut tadi?**

IAG: Tiga jenis jahitan itu- rapatnya, jarangnya [jarak antara jahitan], langkahnya –

NHA: **Okey, kita sambung bahagian *spesifik*.**

CWN: **Boleh pakcik terangkan tentang proses awal penghasilan Songkok Gundal?**

IAG: Dia- sebijik songkok ini kalau nak buat, dia terbahagi kepada sampai lima bahagian. Pertama mencatu, kedua mengkarung, ketiga menggunting, keempat mencantum, kelima memasang. Maksud memasang ini menjadikan sebiji songkok lah dah siap. Mencatu pertama ini, kita memasang kain satin- kain satin biru dengan kain perca, kita taruk [letak] bawah dia. Kain satin itu digunakan untuk badan dalam songkok, kain- satin dalam songkok, kain perca itu untuk luar songkok. Jadi kita kena jahit- cara melintang, jahit lurus. Kemudian kita balas jadikan macam pangkah jahitan dia itu. Itu yang bahagian badan. Itu namanya mencatu. Kalau mengkarung ini, mengkarung ini- daripada yang selepas kita mencatu tadi- badan kain apa ini- catuan tadi itu kita akan belah dua buat saiz. Kita akan buat saiz. Kemudian kita pasang kain hitam- dan melabelkan saiz. Menggunting- menggunting bahagian kepala, selepas- kita mengkarung tadi dan jadikan badan dah siap jadikan badan, yang ketiga itu kita gunting pula yang bahagian kepala dia. Kemudian keempat, mencantum- mencatum bahagian kepala dan badan. Makna selepas badan tadi dah siap, kita ambil yang bahagian kepala pula, kita ukur- kepala tadi mengikut ukuran saiz yang ada pada badan tadi. Memasang- memasang ini selepas mencantum kepala dan badan dah- terjadinya sebagai rangka songkok baru yang kelima itu kita

memasang baldu dan dilapik dengan kain putih. Selepas kita mencantum kepala dengan badan, kita akan ukur pula untuk memotong satu lagi perkara, memotong baldu bahagian di atas- bahagian kepala. Dah siap bahagian kepala baru kita- dinamakan memasang yang terakhir ini, baldu badan. Baldu di badan setelah kepala tadi dah siap. Umph, - itu sahaja.

NHA: Adakah kertas yang digunakan untuk membuat tepi songkok ada kriteria pemilihan sendiri?

IAG: Kertas tepi songkok? –

(mencelah)

NHA: Umph, untuk membuat tepi songkok. Men- mencatu -

IAG: Mencatu ini- kita buat rangka songkok itu mencatu.

NHA: Guna kertas yang pakcik sebut tadi –

(mencelah)

IAG: Ya.

NHA: Kriteria pemilihan kertas itu macam mana?

IAG: Ha, itu lah tadi ketebalan dia.

(mencelah)

NHA: Ketebalan kertas itu –

IAG: Ha, empat ratus lima puluh ke, lima ratus ke, lima ratus enam puluh [ketebalan kertas *chipboard*] tengok sahaja jenis- sahaja jenis baldu.

NHA: Berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan tepi songkok itu?

IAG: Tepi yang mana itu. Untuk bahagian badan?

(mencelah)

NHA: Ha, badan.

IAG: Badan itu sekejap sahaja. Dalam- dua puluh minit siap lah –

(mencelah)

NHA: Untuk satu?

IAG: Umph, dua puluh minit itu- satu badan, dua keping badan itu dibelah dua. Untuk mendapatkan dua biji songkok. Selepas itu, dua keping- kepala.

NHA: Maknanya kalau satu kertas itu boleh dapat –

(mencelah)

IAG: Dua biji songkok.

NHA: Dua biji songkok -- Macam mana pakcik bahagikan, ikut saiz?

IAG: Ikut saiz dan ketinggian songkok.

NHA: Biasa saiz- biasa berapa?

IAG: Kalau- tengok kalau kata nak buat saiz dua puluh dua, kita potong panjang dia itu jadikan dua puluh tiga, sebab satu inci itu adalah guna untuk kita mencantum, sambung. Jadi kita basikan [lebihkan] satu inci. Jadi kita potong dua puluh tiga, apabila kita cantum nanti dia akan jadi

dua puluh dua. Itu panjang dia. Kalau yang kata sekeping tadi dibelah dua, kita nak tengok tinggi mana kita nak buat songkok. Tiga inci, empat inci, lima inci. Okey kalau kata lima inci, kita nak tinggi dia, kita potong yang belah dua tadi, kita ambil tinggi lima inci. Yang baki lagi tinggal lagi lima inci, kita buat juga lima inci. Jadi dua-dua songkok itu, lima inci- lima inci ketinggian dia.

NHA: Dia punya kepala?

IAG: Ha, itu saiz tadi dua puluh dua. Kalau saiz songkok dua puluh dua, kita basikan dia, potong panjang dia itu jadikan dua puluh tiga.

NHA: Dua puluh tiga itu- selepas itu, yang bahagian atas dia?

IAG: Bahagian atas dia itu, itu nama dia mencantum. Mencantum, iaitu bahagian atas dengan badan.

NHA: Saiz untuk bahagian atas itu?

IAG: Saiz kat atas kita akan ukur setelah songkok itu di- mengkarung tadi.

NHA: Dia dah- sambung lah maksudnya.

IAG: Ha, dah siap dah sambung. Dah siap sambung, sebijji songkok itu dah siap sambung, saiz dia dua puluh dua baru lah kita ambil kepala kita ukur pada badan –

(mencelah)

NHA: Baru buat kepala dia lah –

IAG: A'ah, baru kita boleh *proceed* [teruskan] kepala setelah badan siap. Siapkan badan dulu, kepala kemudian.

NHA: Adakah kehalusan jahitan itu pun mempengaruhi songkok harga songkok?

IAG: Ya. Memang jahitan itu- kalau songkok mahal kita akan jahit dengan rapat dia, dengan langkah rapat, dengan bunga banyak- untuk bahagian songkok yang mahal, baldu yang mahal. Bawah dia kita jarang sikit, jarang-jarang- sampai tiga jenis jahitan dan tiga jenis baldu lah, termasuk dengan yang budak- yang akhir sekali. Budak kalau kita jahit jarang lah, tak rapat macam yang pertama yang mahal.

NHA: Apakah kelebihan jahitan halus itu pada songkok?

IAG: Umph, songkok jadi kemas. Songkok itu tak nampak jadi cepat kemik, renyuk ke, tahan dengan jahitan rapat dia itu.

CWN: Berapa lama pakcik ambil masa untuk menyiapkan jahitan pada satu-tapak songkok, atap?

IAG: Kalau setakat nak buat catuan. Nama catuan kami panggil catuan. Satu keping badan itu dapat dua- kepala dua keping, siap lah dalam setengah jam.

NHA: Macam mana cara nak cantumkan tepi songkok itu dengan atap? Adakah guna tangan ke mesin ke?

IAG: Umph, jahit menggunakan mesin. Kalau kita ukur tadi- ukur kepala ke badan itu kita sambung sahaja lah, jahit sahaja lah dengan ada basi dia. Basi dia- jangan sama-sama besar dengan ukuran songkok saiz dua puluh dua. Sekurang-kurang kita kena lebih setengah inci. Bermakna kalau ukuran songkok itu saiz dia dua puluh dua, kita kena ambil basi kepala itu dalam dua puluh dua setengah.

NHA: Berapa kali jahitan yang perlu dilakukan untuk bagi dia kekal?

IAG: Tiga kali pusingan songkok.

CWN: Berapakah jenis kain baldu yang digunakan oleh pakcik?

IAG: Pakcik ada empat sahaja jenis baldu.

CWN: Boleh pakcik sebutkan jenis-jenis baldu itu?

IAG: Crown- baldu *crown*, baldu *crown* dua, *jersey*, *tricot*.(gangguan suara pekerja kedai)

NHA: Pakcik dapat kain baldu itu dari *supplier* [pembekal] mana? Ada tak *supplier*?

IAG: *Supplier* daripada Penang. Mana dia itu pengedar baldu.

NHA: Bagaimana cara pemasangan kain baldu itu pada songkok? Apa langkah, cara pemasangan kain baldu itu pada songkok? Dia mula dekat bahagian mana? (bunyi loceng kedai)

IAG: Macam mana, nak cakap macam mana. Pemasangan antara –

(mencelah)

NHA: Nak mula pasang baldu, pakcik pasang bahagian mana dulu?

(mencelah)

IAG: Baldu mula-mula nak pasang tadi pakcik cakap, kena pasang bahagian kepala dulu. –

(mencelah)

NHA: Kepala dulu.

IAG: Ha, pasang kepala dulu. Selepas siap kepala macam ini -- dia kalau ada video sedap. Ini dah siap pasang kepala macam ini (sambil menunjukkan songkok yang telah siap dipasang baldu pada bahagian kepala) pakcik akan jahit. Kemudian baru lah pakcik ukur yang untuk badan. Dah ukur badan ini, pakcik akan cantum. Dah siap cantum, buka (membuka jarum peiniti yang ada di songkok) dan pakcik akan lapik dengan kain putih ini, kertas putih. Kena tunjuk ini.

NHA: Boleh saya tahu kenapa guna- apa fungsi jarum?

IAG: Jarum peniti ini, kita tarik dia supaya dia tegang baldu jadi kemas. Selepas kemas ini, dengan cara tarik dia satu-satu, selepas itu, baru pakcik jahit (sambil menghidupkan mesin dan menunjukkan cara menjahit baldu). Selepas pakcik jahit macam ini, baru lah pakcik cabut jarum peniti. Sebab itu songkok pakcik, dia tak berkedut. Kalau songkok luar dia berkedut. Ha, itu lah dia.

CWN: Macam yang pakcik cakap tadi, ada empat sahaja jenis baldu kan. Jadi setiap baldu tu harga dia berbeza ke?

IAG: Berbeza-beza.

CWN: Paling mahal pakcik?

IAG: Paling mahal, baldu paling mahal- RM210.

CWN: Jenis *Crown*?

IAG: Jenis *crown*. Ini baldu harga sebiji ke atau harga datang [harga borong dari pembekal]. Harga jualan lah –

(mencelah)

CWN: Harga jualan.

NHA: Waktu itu pakcik pasang jarum peniti itu, ada tak pernah mengalami kecederaan?

IAG: Sehari empat lima kali luka.

NHA: Macam mana pakcik elakkan?

IAG: Tak boleh elak, mesti kena. Elak pon dia akan kena. Sehari paling silap wajib sekali. Jadi pakcik tarik ini (menunjukkan cara pemasangan jarum peniti), pakcik akan pegang. tangan pakcik akan macam ini (membuat gaya tangan ketika memasang jarum peniti pada baldu songkok). Jadi pakcik akan amik- cucuk (mencucuk jarum peniti pada songkok). Sewaktu cocok ini, dia akan kena (tangan terkena jarum peniti) salah satu daripadanya. Tak boleh elak- luka cucuk tak boleh elak, mesti luka, tapi- tak dalam.

(mencelah)

NHA: Tak membahayakan –

IAG: Tak berbahaya.

(mencelah)

CWN: Pakcik pun dah biasa –

IAG: Ibarat cocok dia itu cucuk macam orang nak ambil darah [cucuk ambil darah di jari untuk periksa gula] cucuk sekali sahaja.

NHA: Selepas pasang ini?

IAG: Selepas pada ini lah baru kita buat badan dia. Macam pakcik cerita tadi buat badan dia, ukur- ini. Ukur- saiz dia, dah tahu saiz dia, dapat ukuran itu, lebihkan setengah inci juga, potong kemudian bersambung. Sambung- selepas sambung buka, baru pakai kertas putih (tokoh mengangkat tangan sambil menunjukkan contoh cara memasang kertas putih di meja). Selepas dah sambung tadi, yang ini dah bersambung ini, jahit. Selepas itu dah siap, barulah kita lipatkan, jadilah macam ini (tokoh memegang kertas putih yang dah dibalut dengan baldu) dah jadi macam ini baru lah kita masukkan pada songkok.

NHA: Adakah saiz kertas putih ini –

(mencelah)

IAG: Ikut pada ketinggian songkok –

(mencelah)

NHA: Ikut pada ketinggian songkok dan saiz yang dalam ini –

(mencelah)

IAG: Ya. A'ah.

CWN: Berapa lama pakcik ambil pasang, nak ambil masa pasang baldu?

(mencelah)

NHA: Yang untuk atap sahaja?

IAG: Kalau pasang atap dengan badan sekali ini?

(mencelah)

CWN: Atap ini berapa?

IAG: Atap ini sahaja dalam tiga minit siap

(mencelah)

NHA: Sekali dengan cabut peniti?

IAG: Ya, dalam tiga minit ke empat minit itu sahaja. –

(mencelah)

NHA: Selepas itu kalau ini?

IAG: Termasuk ini (tokoh memegang badan songkok) pergi lah dalam sepuluh minit, semua sekali. –

(mencelah)

NHA: Atap sekali dengan –

(mencelah)

IAG: Badan, siap sepuluh minit. Hanya yang lama rangka dia lama nak buat.

(mencelah)

NHA: Rangka, yang jahit-jahitan itu –

(mencelah)

IAG: Ya.

NHA: Apa beza jahitan yang dalam dekat warna biru ini dengan jahitan yang dekat luar?

IAG: Sama sahaja. Sama- jahitan sama.

NHA: Bagaimana pula dengan- seperti yang kita tahu kan songkok ada lubang-lubang dia itu kan, macam mana pula? (tokoh mengetuk mesin)

IAG: Lubang dia itu- separuh orang dia minat lubang, separuh orang tak minat lubang. Lubang dia itu bukan apa- lubang dia itu guna dia untuk (bunyi tokoh meletakkan barang di atas meja) membuang haba peluh dalam kepala. Kepala kita berpeluh kalau kita pakai- kita kurungkan dia itu, dia akan berpeluh. Jadi lubang itu bertujuan untuk mengeluarkan udara di dalam songkok. Itu gunanya lubang. Kalau bagi yang tidak berpeluh, tak ada apa, tak rasa panas, rimas, tak payah buat lubang. Tetapi kalau orang lama pakai dia akan berpeluh, berwaspada kepala dia, itulah tujuan lubang itu. Untuk mengeluarkan angin [udara] dalam songkok.

NHA: Macam mana proses membuat lubang itu?

IAG: Ketuk sahaja. Ketuk.

CWN: Contoh alatan dia pakcik? Apa nama alat dia?

IAG: Penebuk lubang sahaja lah orang panggil.

NHA: Biasanya berapa lubang yang orang buat?

IAG: Hmm, kalau orang biasa-biasa dua, tiga. Kalau nak lebih lagi lima lubang. Satu, dua, tiga, empat, lima (tokoh menggerakkan jari mengira sambil menunjukkan kawasan untuk membuat lubang pada atap

songkok). Kalau ikut jaga [pengawal keselamatan], *jaga* pukul lapan pagi sampai pukul lima petang, keliling ini semua dia buat lubang.

NHA: Pernah- ada ke?

IAG: Ada. Contoh dia macam ini, satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelah, dua belas, tiga belas- biji lubang.

NHA: Maknanya nak buat lubang itu ikut permintaan pelanggan?

IAG: Ya, ikut permintaan pelanggan, berapa lubang dia nak.

CWN: Makin banyak lubang harganya?

IAG: Percuma. Pakcik- di sini lubang itu percuma. Kalau tempat lain dia *charge* [kenakan bayaran] lima puluh sen satu lubang.

NHA: Biasa berapa minit nak buat lubang itu?

IAG: Lima minit juga.

NHA: Berdasarkan semua proses yang pakcik dah ceritakan tadi, langkah-langkah itu, apakah langkah yang memerlukan perhatian lebih

(mencelah)

CWN: yang paling susah? –

(mencelah)

NHA: Yang paling susah?

IAG: Selepas siap songkok?

(mencelah)

NHA: Umph, tak. Daripada awal tadi, proses awal sampai akhir- antara itu yang mana yang paling perlukan ketelitian lebih.

IAG: Pemasangan antara kepala dengan badan –

(mencelah)

NHA: Pemasangan antara kepala dan badan.

IAG: Yang itu banyak orang yang tak- berapa kemas nak buat. Sebab itu songkok-songkok di luar kalau tengok, sambungan dia itu dia akan timbul sini, ini- tapi yang pakcik punya, insya-Allah. Itu yang –

(mencelah)

NHA: Makna yang tadi, yang pakcik cakap itu, tiga kali pusingan?

IAG: Ha, yang itu. Yang pasang kepala dengan badan itu. Yang itu lah banyak orang tak berapa nak jadi buat dan- yang pasang (tokoh meletakkan songkok di atas meja) badan, pasang baldu badan. Dia kena pandai *control* [kawal] main *spring* [alat pemutar mesin jahit]. Kalau *spring* terlampau kuat, dia akan menolak- ini. Jadi apabila kita dah siap nanti dia akan jadi longgar.

NHA: Siapa antara pekerja pakcik dan pakcik, siapa sahaja yang bertugas yang boleh memasangkan antara yang tepi badan itu dengan kepala?

IAG: Pakcik seorang sahaja –

(mencelah)

NHA: Pakcik seorang --

(mencelah)

IAG: Tak ada pembantu lain.

NHA: Ambil masa berapa lama untuk tiga kali pusingan?

IAG: Dua minit sahaja.

CWN: Sepanjang proses untuk siapkan songkok ini, boleh tak pakcik bagitahu siapa lagi yang tolong pakcik, nama mereka?

IAG: Nama? –

(mencelah)

NHA: Yang bekerja –

IAG: Ini orang-orang yang ada ini. Nama-nama dia. Pakcik tak ada pekerja orang lain. Pekerja pakcik semua anak saudara pakcik. Orang lain tak ada –

(mencelah)

IAG: Umph, isteri pakcik- Norizan Binti Mamat, Yusrina anak abang, Cahaya Syuhada anak kakak, Fatin Munirah anak adik. Ha, itu lah pekerja saya.

NHA: Tugas pakcik bermula daripada langkah mana untuk membuat songkok?

IAG: Ha, tugas pakcik memasang sahaja. Iaitu sambungkan kepala dengan badan, dah siap yang itu pasang baldu. Yang lain mencantum, menggunting, mengkarung, mencatu semua anak buah buat.

CWN: Apakah pantang larang semasa proses menghasilkan sebiji songkok?

IAG: Tak ada pantang larang- hanya tangan nak kena bersih sahaja lah. Kalau pakcik pasang baldu tangan nak kena bersih sahaja lah, sebab takut terkena makanan- terkena pada baldu, simpan dalam almari- lipas pula makan, makanan itu. Itu yang rosak baldu songkok, pantang larang lain tak ada.

NHA: Itu kalau sewaktu penghasilan, kalau macam barang buat songkok itu ada tak?

IAG: Barang-barang itu memang kena letak di tempat yang ditetapkan lah. Baldu kena simpan tempat baldu supaya tidak- baldu itu akan jadi terkemik atau baldu dia jadi mati, tertindih. Ada tempat-tempat dia.

CWN: Pakcik simpan lagi tak songkok lama, koleksi pakcik yang mula-mula?

IAG: Ada-ada.

CWN: Tahun bila songkok itu, usia songkok itu?

IAG: Lima puluh tahun.

NHA: Kalau pakcik masih ingat, siapa yang membuat songkok itu?

IAG: Arwah ayah [Almarhum Haji Ahmad Gundal] buat. –

(mencelah)

NHA: Arwah ayah buat.

CWN: Songkok jenis apa yang biasa di tempah oleh kerabat di raja Pahang pakcik?

IAG: Dia- nama dia tak ada, hanya baldu itu sahaja lah. Baldu yang nombor satu itu yang pakcik jual itu, baldu *CROWN* nama dia. Selepas itu, ketinggian terpulang pada dia. Kalau Agong pakai, songkok rata empat inci dia tak ada gunung.

(mencelah)

NHA: Jahitan dia –

(mencelah)

IAG: Jahitan dia– jahitan yang rapat lah –

(mencelah)

NHA: Paling rapat?

IAG: Paling rapat lah.

NHA: Ada tak songkok yang paling mahal pernah pakcik jual, harga dia berapa?

IAG: Tiada, *standard* [biasa] sahaja. Itu sahaja lah harga dua ratus sepuluh ringgit [RM210].

(mencelah)

NHA: Agong pakai pun biasa? –

IAG: Ya, Itu lah harga dia.

CWN: Berapa jumlah songkok yang pakcik boleh hasilkan dalam masa satu hari?

IAG: Payah juga nak kira itu sebab, pakcik bahagian untuk memasang sahaja. Kalau bahagian memasang ini, siap dalam sepuluh biji ke lima belas biji satu hari. Itu pun mencatu orang lain dah buat, mengkarung orang lain dah buat, menggunting orang lain dah buat, mencantum orang lain dah buat. Pakcik memasang sahaja. Memasang kepala dengan badan dan baldu. Boleh lah dapat lah dalam lima belas biji sehari.

NHA: Pernah tak, pakcik mendapat jualan songkok paling tinggi?

IAG: Selama pakcik bermiaga. Ada. Alhamdulillah rasanya ada. Sebab pernah mendapat jualan tertinggi pada Ramadan 2019, tahun lepas apabila mangkatnya ayahanda Agong kita sekarang [Ayahanda Sultan Abdullah iaitu Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah telah mangkat pada dua puluh dua Mei 2019].

CWN: Boleh tak pakcik ceritakan keadaan waktu itu? (kronologi hari tersebut)

IAG: Keadaan waktu itu, pagi itu- pakcik mendapat telefon daripada anak, anak sedara yang bekerja dengan pakcik lah di kedai, pakcik masa itu belum datang kedai lagi. Dia cerita lah, dia telefon dia kata “dah ramai orang di kedai dah beratur”. Saya tanya “ada apa”, dia kata “orang nak beli songkok, nak pasang lilit untuk berkabung itu lah yang rasa- pakcik rasa terharu lah dengan kejadian itu, memang banyak lah songkok jualan pakcik.

NHA: Ada tak anggaran berapa songkok yang terjual sewaktu itu?

IAG: Hmm, nak kata ratus- lebih, nak kata ribu tak sampai.

NHA: Berapa jumlah songkok paling banyak -- dalam selama pakcik bekerja ini, berapa jumlah songkok yang paling banyak yang pernah pakcik hasilkan satu hari? Macam- catat sejarah lah satu hari itu lebih pada kebiasaan yang pakcik buat.

IAG: Kalau zaman pakcik muda dulu, sewaktu kedai ini diserahkan kepada saya, masa itu pakcik pernah mencapai- siap satu hari tetapi pasang badan sahaja kepala tak campur, tak pasang kepala. Kepala dah siap, hanya pasang badan, macam pakcik tunjuk tadi kan, pasang badan sahaja. Pakcik boleh buat dari pagi sampai ke petang dalam- dalam enam puluh biji.

CWN: Untuk songkok Gundal ini, pakcik pernah tak pasarkan sampai ke luar negara? –

(mencelah)

IAG: Ada.

CWN: Contoh negara dia pakcik?

IAG: Hmm, luar negara, macam di -- songkok luar negara pernah pasar di mana ya

(mencelah)

IAG: Sabah (sic, Sabah, di dalam Malaysia), Mesir, Singapura, Mesir, *customer* [pelanggan] Mesir-, Scotland, New Zealand. –

(mencelah)

NHA: Pos [perkhidmatan bungkusan] ke

(mencelah)

IAG: pos.

NHA: Pos ke negara New Zealand, Mesir –

(mencelah)

IAG: Ya, A'ah.

**NHA: Apakah perancangan pakcik selepas ini dalam memperkenalkan songkok?
Membuatkannya lebih ramai orang kenal.**

IAG: Pakcik akan masukkan dalam itu lah, dalam- *Facebook* ke, dalam apa ke, dalam televisyen- untuk bagi lagi orang ramai tahu Songkok Gundal.

CWN: Apa harapan pakcik untuk perusahaan Songkok Gundal? Harapan untuk masa hadapan?

IAG: Harapan dia kalau boleh dia berkembang lagi lah. Kalau boleh biar anak cucu pakcik itu- ada yang boleh meneruskan- Songkok Gundal.

NHA: Buat masa ini ada tak yang mewarisi pakcik dalam pembuatan Songkok Gundal?

IAG: Adalah seorang yang bekerja dengan pakcik itu, anak kakak.

(mencelah)

NHA: Siapa nama dia?

IAG: Saiful Azhar. Dia lah kalau nak mengganti pakcik kalau sehari dua ini pakcik tak ada dia lah yang boleh ganti pakcik buat songkok. (bunyi tangan tokoh sedang lipat kertas)

NHA: Boleh pakcik bagitahu, sehari dia boleh buat berapa? Kalau pakcik sehari dalam sepuluh daripada atap sampai badan habis. Kalau dia, pakcik rasa berapa dia boleh buat?

IAG: Dia boleh siap lah separuh daripada pakcik, sebab dia pun tak mahir lagi. Tetapi dia boleh buat songkok

NHA: Dia memang belajar dari pakcik ke?

IAG: Ya, pakcik yang ajar dia. Kira cucu lah. Cucu kepada- Haji Gundal.

NHA: Dia ada buka kedai lain ke atau memang kerja dengan pakcik?

IAG: Tak ada, dia kerja dengan pakcik. (tokoh sendawa)

CWN: Macam tadi harapan pakcik kepada keluarga kan, macam mana kalau harapan untuk kepada generasi muda, orang luar tentang songkok ini. Apa yang pakcik nak cakapkan?

IAG: Generasi muda- saya rasa payah generasi muda nak buat. Sebab pakcik pernah *offer* [tawarkan] dulu siapa nak belajar dengan pakcik, tak ada yang datang pun. Tak ada yang berminat.

(mencelah)

NHA: So [jadi] apa harapan pakcik untuk mereka? Adakah mereka patut teruskan dalam pembuatan songkok ini.

IAG: Bagi pakcik kalau boleh teruskan lah, Teruskan mana-mana yang ingin-nak belajar itu walaupun tak belajar dengan pakcik, belajar dengan orang lain lah. Tetapi songkok ini kalau boleh, jangan-jangan dihapuskanlah, ada pengganti dia tukang buat, pengganti dia. Jangan dia padam begitu sahaja. Itu harapan pakcik lah.

NHA: Apakah pandangan pakcik untuk generasi sekarang yang kurang tahu mengenai langkah pembuatan songkok itu? Macam mana cara mereka nak –

IAG: Dia yang menjadi macam itu sebab tak ada tempat- kerajaan- buat ke atau mara ke apa ke, satu tempat untuk belajar buat songkok tak ada, jadi dari mana budak-budak [generasi muda] ini berminat nak- apa ini, nak belajar buat songkok, tak ada tempat nak belajar. Sebab itu, generasi muda, mana yang itu – tak ada apa orang panggil, tak ada tempat-kursus ke apa tak ada, kerajaan tak sediakan. Jadi tak adalah. Kalau kata tempat memasak ada, tempat menjahit ada, tempat *welding* [keimpalan] ke baiki kereta ada. Tetapi bila songkok tak ada (bercakap dalam nada sayu) kerajaan tidak sediakan. Jadi mereka tak tahu lah cara macam mana nak buat songkok. Kalau boleh kerajaan sediakan tempat- baru ada anak-anak muda berminat untuk belajar buat songkok. Separuh-separuh generasi muda ini dia tidak minat pergi ke kedai, dia nak tempat. Ada tempat disediakan, jadi baru dia- nak belajar dari situ. Kalau *mari* [datang] kedai macam kedai pakcik ini, mungkin lain dia punya cara dia, tak berminat.

NHA: Okey pakcik, rasanya setakat itu sahaja kita punya temubual hari ini. Terima kasih.

IAG: A'ah, sama-sama.

CWN: Terima kasih pakcik ya.

IAG: Sama.

Dengan ini tamat lah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang pakaian tradisional bersama Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pakaian tradisional para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

6.0 LOG TEMUBUAL

MINIT MASA	PERKARA	CATATAN	HURAIAN
00:00:00	Ucapan pembukaan sesi temubual.	Ucapan menerangkan masa, lokasi temubual, nama penemubual dan tarikh.	<ul style="list-style-type: none"> ● Ismail Bin Haji Ahmad Gundal. ● Toko Sinar Maju, Kuantan, Pahang. ● Che Wan Nurmas Azura Binti Che Wan Hasanuddin. ● Nur Haziqah Binti Anuar.
Sesi temubual telah bermula			
00:00:50	Latar belakang tokoh	Tokoh menerangkan latar belakang dirinya secara ringkas.	<ul style="list-style-type: none"> ● Ismail Bin Haji Ahmad Gundal. ● 61 tahun. ● Hospital Besar Kuantan, Pahang. ● Bandar Kuantan, Pahang. ● Sumatera, Indonesia.
00:03:00	Latar belakang ibu bapa.	Tokoh menerangkan latar belakang ibu bapanya secara ringkas.	<ul style="list-style-type: none"> ● Kuala Lipis, Pahang. ● Bandar Kuantan, Pahang. ● Indonesia. ● Syed Abdul Rahman. ● Ahmad Gundal.
00:04:57	Latar belakang adik-beradik tokoh.	Tokoh menerangkan latar belakang adik-beradiknya secara ringkas.	<ul style="list-style-type: none"> ● Sebelas orang adik - beradik.
00:06:06	Latar belakang keluarga tokoh terkini.	Tokoh menerangkan latar belakang keluarganya secara ringkas.	<ul style="list-style-type: none"> ● Norizan Binti Mamat.

00:06:50	Latar belakang pendidikan tokoh.	Tokoh menerangkan latar belakang pendidikan secara ringkas.	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekolah Kebangsaan Permatang Badak Kuantan, Pahang. ● Sekolah Kebangsaan Batu Lapan, Jalan Gambang, Kuantan. ● Sekolah Kebangsaan Fakoh Abd. Samad. ● Sekolah Rendah Kebangsaan Batu 3, Jalan Gambang. ● Sekolah Rendah Kebangsaan Teruntum, Kuantan. ● Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Akar, Kuantan. ● Sekolah Menengah Vokasional Kuantan, Pahang. ● Pekan, Pahang.
00:10:07	Sejarah permulaan perniagaan Songkok Gundal.	Tokoh menceritakan tahun, tempoh masa, tempat, berapa jenis songkok yang dipelajari, nama guru dan penerimaan pelanggan terhadap Songkok Gundal.	<ul style="list-style-type: none"> ● Medan Pelancong. ● Mat Chontor. ● Sumatera, Indonesia. ● Kuantan, Pahang. ● Kolej Komuniti. ● Giatmara. ● Institut Kemahiran Malaysia.
00:24:36	Sejarah songkok di Malaysia.	Tokoh menceritakan sejarah songkok di Malaysia secara ringkas.	<ul style="list-style-type: none"> ● Indonesia. ● Haji Ahmad Gundal. ● Kuantan, Pahang.
00:25:40	Keistimewaan Songkok Gundal.	Tokoh menceritakan keunikan Songkok Gundal.	<ul style="list-style-type: none"> ● Jahitan kemas. ● Selesa ● Dikenali ramai kerana dipanggil “Songkok Kerabat”

00:27:18	Golongan yang memakai Songkok Gundal.	Tokoh memberitahu pemerintah negeri Pahang dan kerabatnya memilih untuk memakai Songkok Gundal.	<ul style="list-style-type: none"> ● Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah. ● Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. ● Tengku Abdul Rahman ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.
00:29:01	Jenis jahitan	Tokoh menerangkan jenis jahitan yang digunakan untuk membentuk sebiji Songkok Gundal.	<ul style="list-style-type: none"> ● Jahitan lilit ubi
00:30:09	Tips penjagaan Songkok Gundal.	Tokoh memberikan tiga tips penjagaan Songkok Gundal.	<ul style="list-style-type: none"> ● Menggunakan berus yang lembut. ● Jangan tinggal songkok didalam kereta.
00:30:59	Pengusaha lain yang turut mengusahakan perniagaan songkok.	Tokoh menceritakan tentang pengusaha lain yang turut bersamanya menghidupkan warisan pakaian tradisional.	<ul style="list-style-type: none"> ● Kuantan, Pahang.

00:31:32	Proses penghasilan Songkok Gundal.	Tokoh menerangkan enam proses penting dalam penghasilan Songkok Gundal.	<ul style="list-style-type: none"> ● Proses mencatu. ● Proses mengkarung. ● Proses menggunting. ● Proses mencantum. ● Proses memasang. ● Proses menebuk lubang.
00:56:27	Proses pembuatan yang memerlukan penelitian yang penuh semasa menghasilkannya.	Tokoh memberitahu terdapat dua jenis proses yang rumit.	<ul style="list-style-type: none"> ● Proses menggunting. ● Proses mencantum.
00:58:31	Pekerja yang terlibat dalam penghasilan Songkok Gundal.	Tokoh menyenaraikan nama pekerja yang terlibat membantunya menghasilkan Songkok Gundal.	<ul style="list-style-type: none"> ● Norizan Binti Mamat. ● Yusrina. ● Cahaya Shuhada. ● Fatin Munirah.
00:59:34	Pembahagian tugas dalam pembuatan Songkok Gundal.	Tokoh melakukan pembahagian tugas bersama pekerjanya.	<ul style="list-style-type: none"> ● Proses mencatu. ● Proses mengkarung. ● Proses menggunting. ● Proses mencantum. ● Proses memasang. ● Proses menebuk lubang.
1:00:10	Pantang larang semasa proses penghasilan Songkok Gundal.	Tokoh memberitahu sedikit pantang larang semasa sesi temubual dijalankan.	<ul style="list-style-type: none"> ● Menggunakan berus yang lembut. ● Jangan tinggal songkok didalam kereta.
1:01:07	Songkok Gundal pertama yang dihasilkan oleh tokoh.	Tokoh menunjukkan Songkok Gundal yang berusia 50 tahun kepada penemubual.	<ul style="list-style-type: none"> ● Haji Ahmad Gundal.
1:01:29	Songkok yang ditempah oleh kerabat Pahang.	Tokoh menyenaraikan nama kerabat yang memilih Songkok Gundal.	<ul style="list-style-type: none"> ● Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu

			<p>Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al- Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al- Musta'in Billah. ● Tengku Abdul Rahman ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al- Musta'in Billah.
1:02:10	Harga Songkok Gundal.	Tokoh menunjukkan senarai harga kepada penemubual.	<ul style="list-style-type: none"> ● Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al- Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah.
1:05:59	Pasaran jualan Songkok Gundal.	Tokoh menceritakan tentang pengalaman mereka menghantar secara pos ke beberapa buah negara luar.	<ul style="list-style-type: none"> ● Mesir. ● Scotland. ● Singapura. ● Sabah. ● Sarawak. ● New Zealand.
1:06:54	Perancangan Songkok Gundal.	Tokoh memberikan pandangannya pada masa akan datang tentang hala tuju Songkok Gundal.	<ul style="list-style-type: none"> ● Saiful Azhar.
1:07:27	Harapan tokoh.	Tokoh memberitahu penemubual tentang	<ul style="list-style-type: none"> ● Giatmara. ● Pusat warisan.

ISMAIL BIN HAJI AHMAD GUNDAL
2021

		harapannya pada masa hadapan.	<ul style="list-style-type: none">• Bengkel.
1:12:34	Penutup	Mengakhiri sesi temubual.	<ul style="list-style-type: none">• Ismail Bin Haji Ahmad Gundal.

7.0 RALAT

Sewaktu temubual ini dijalankan bersama Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal di kedai miliknya, terdapat beberapa gangguan yang berlaku dan tidak dapat dielakkan oleh penyelidik. Antaranya ialah:

1. Gangguan bunyi mesin jahit.
2. Gangguan suara pekerja.
3. Gangguan suara pelanggan.
4. Gangguan bunyi kenderaan.
5. Gangguan bunyi loceng kedai.
6. Gangguan bunyi hujan lebat.

8.0 RINGKASAN

Songkok Gundal yang terkenal di Kuantan, Pahang ini merupakan hasil pembuatan tangan yang telah diturunkan kepada generasi ketiga iaitu Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal. Pada awal 1990-an, Syed Abdul Rahman atau lebih dikenali sebagai Haji Ahmad Gundal telah memulakan perniagaan songkoknya di daerah Kuantan. Ketelitian dalam penghasilan songkok ini telah menarik ramai pembeli di kawasan tersebut terutamanya kerabat di raja Pahang. Perusahaan songkok ini telah diserahkan sepenuhnya kepada anaknya iaitu Encik Ismail pada tahun 1997 setelah mahir dalam pembuatan songkok dengan mengikuti teknik dan cara yang diajar ayahnya. Setelah ayah Encik Ismail meninggal dunia, beliau melestarikan nama arwah ayahnya dengan menamakan songkoknya menjadi Songkok Gundal.

Songkok Gundal mempunyai dua jenis bentuk iaitu rata dan gunung. Songkok yang berbentuk gunung adalah yang paling dikenali dan menjadi pilihan ramai kerana bentuknya yang lebih menarik berbanding songkok yang berbentuk rata. Terdapat lima langkah pembuatan songkok yang diterangkan oleh beliau iaitu pertama mencatu, kedua mengkarung, ketiga menggunting, keempat mencantum dan terakhir ialah memasang. Proses pembuatan Songkok Gundal ini adalah dilakukan dengan teliti pada setiap bahagian dengan dibantu oleh para pekerja beliau iaitu anak-anak saudara dan isterinya sendiri. Selain mempunyai dua jenis bentuk, Songkok Gundal juga memiliki variasi saiz dan material yang digunakan. Terdapat empat jenis kain baldu iaitu crown, crown ll, jersey dan tricot.

Di samping itu, Songkok Gundal juga mempunyai tiga jenis jahitan yang berbeza dan setiap jahitan dan jenis baldu adalah mempengaruhi harga bagi sebiji Songkok Gundal. Songkok yang paling tinggi harganya ialah songkok Crown, yang memiliki jahitan paling halus pada songkok dan penggunaan kain baldu yang tebal. Jahitan halus Songkok Gundal ini telah memberi perbezaan yang ketara bagi songkok yang dijual di pasaran. Hasil dan teknik pembuatan yang menggunakan tangan dan teliti ini telah memberikan keselesaan kepada pemakainya.

Perusahaan Songkok Gundal ini juga mempunyai pelanggan dari luar negara seperti Mesir, Singapura, New Zealand dan banyak lagi. Pada tahun 2019, sewaktu mangkatnya Al-marhum Sultan Ahmad Shah iaitu Sultan Pahang kelima, penjualan songkok pada hari tersebut amatlah tinggi. Hal ini demikian kerana, Songkok Gundal sering dipakai oleh kerabat diraja negeri Pahang.

Harapan Encik Ismail kepada Songkok Gundal ialah dapat terus berkembang dan akan terus diwarisi oleh kaum keluarganya. Beliau juga berharap agar generasi muda terutamanya lelaki untuk lebih berminat mempelajari teknik pembuatan songkok. Beliau juga memberi cadangan untuk pihak kerjaan dan komuniti untuk membentuk satu kursus latihan untuk mempelajari cara pembuatan songkok agar generasi muda lebih membuka mata dan berminat untuk mengekalkan warisan tradisi songkok di Malaysia.

9.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan hasil temubual yang telah dijalankan bersama Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal, kami mendapati pelbagai pengetahuan yang baharu daripada aspek subjek sejarah lisan. Sejarah lisan adalah penting untuk dipelajari supaya generasi pada masa akan datang dapat mengetahui tentang sejarah warisan tradisional. Pengalaman menemubual tokoh yang dipilih iaitu Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal telah memberi pencerahan dan pengetahuan yang lebih mendalam kepada kami terutamanya dalam bidang penghasilan Songok Gundal.

Songkok merupakan satu tradisi pemakaian pada kaum lelaki sejak dahulu lagi. Pelbagai acara seperti majlis dan juga keramaian, peranan songkok sangat penting bagi sesetengah majlis tersebut. Aksesori ini telah menjadikan si pemakai kelihatan lebih segak dan sopan sewaktu menggayakannya. Meskipun, pemakaian songkok hanyalah pada masa-masa tertentu, songkok ini tidak akan hilang ditelan zaman ia akan sentiasa dicari oleh kaum lelaki. Justeru itu, antara songkok yang telah mempunyai nama dan sejarahnya tersendiri seperti Songkok Gundal, warisan ini perlu dijaga kerana keunikannya yang telah mendapat tempat pada setiap golongan masyarakat.

10.0 GLOSARI

PERKATAAN	MAKNA
Baldu	Sejenis kain tenunan berbulu di mana benang yang terpotong diagihkan sama rata dengan pail (pile) pendek dan padat yang memberikannya rasa lembut yang tersendiri.
Basi kain	Basi adalah lebahan kain yang ditambah ketika proses menjahit dilakukan untuk menjadikan kain atau pakaian itu sedikit besar daripada saiz biasa.
Inci	Inci adalah unit imperial untuk mengukur panjang.
Jarum peniti	Penyemat jarum untuk menyemat baju.
Kain Tricot	Tricot digunakan sebagai lapisan pengeras dan untuk penstabil kain.
Kain Perca	Potongan kain sisa daripada kain yang dibuat pakaian atau dipanggil reja kain.
Lapik	Alas.
Lilit ubi	Melilitkan benang pada tepi bahan yang dijahit.
Mengkarung	Mengkarung adalah nama lain bagi mengukur.
Pattern	Corak atau bentuk.
Renyuk	Berkerut-kerut.

11.0 INDEKS

A	
Agong	6,30,52,53,61,62
Almarhum	30,51,60,61,62,63
Arwah	7,16,17,18,20,21,22,30,51,66
B	
Baldu	8,9,31,32,36,38,41,42,43,44,45,49,50,51,52,53,66,69
C	
Chipboard	32,34,35,38
Crown	42,43,52,66
Corak	IV,4,9,18,31,69
F	
Facebook	III,29,55
H	
Haji Ahmad Gundal @	I,II,6,10,65,66,68
Ahmad Gundal	
I	
Indonesia	12,13,21,29,59,60
J	
Jahitan	6,7,31,37,41,46,47,52,60,61,66
Jenis	8,18,28,29,31,34,36,37,38,41,42,43,52,60,62,66,69
K	
Kedai	I,II,7,9,14,19,22,25,29,35,36,42,53,54,56,57,65

ISMAIL BIN HAJI AHMAD GUNDAL
2021

Keistimewaan	29,31,60
Kerajaan	19,23,24,57
Kuantan	I,3,4,6,7,10,11,12,13,15,16,17,18,22,25,29,32,36,59,60,61,66
M	
Malaysia	III,4,6,7,11,13,15,19,27,28,29,54,60,67
Medan Pelancong	18,19,25,60
Memasang	37,38,44,45,49,50,53,62,66
Mencantum	37,38,39,40,50,53,62,66
Mencatu	37,38,50,53,62,66
Menggunting	37,50,53,62,66
Mengkarung	50,53,62,66,69
P	
Pahang	I,1,3,4,6,7,10,11,13,15,17,18,30,31,52,59,60,61,62,66,67
Penghasilan	37,51,62,66,68
Pembekal	IV,35,42,43
Proses	5,7,33,37,49,50,51,62,66,69
Pusingan	41,49,50
R	
Raja	4,7,19,23,24,30,31,52,57,66,67
S	
Saiz	35,37,39,40,41,45,66,69
Sekolah vokasional	10,16,17
Songkok Gundal	I,3,4,6,7,14,25,29,30,31,33,54,55,60,61,62,63,66,67,68
Spesifik	31,37
SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]	15,19
T	

ISMAIL BIN HAJI AHMAD GUNDAL
2021

Tempah	31,36,52,62
W	
Welding	57

12.0 RUJUKAN

- Adwani, S. (2020, June 09). Traditional Clothes of Malaysia - Vibrancy and Diversity at its Best. Retrieved November 20, 2020, from <https://www.holidify.com/pages/traditional-clothes-of-malaysia-3820.html>
- Aziz, M. (2019, January 31). Songkok Gundal pilihan Al-Sultan Abdullah lebih 20 tahun. Retrieved November 09, 2020, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/526163/songkok-gundal-pilihan-al-sultan-abdullah-lebih-20-tahun>
- Bakar, N. (2016, April 09). Songkok tinggi jadi promosi budaya Melayu. Retrieved January 16, 2021, from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/04/142266/songkok-tinggi-jadi-promosi-budaya-melayu>
- Bedford, S. (2018, May 29). The History of Malaysia's Songkok Cap. Retrieved November 09, 2020, from <https://theculturetrip.com/asia/malaysia/articles/the-history-of-malaysias-songkok-cap/>
- Hermes, J. (2019, January 21). Dilema pembuat songkok terakhir, Berita Setempat. Retrieved January 16, 2021, from <https://www.beritaharian.sg/setempat/dilema-pembuat-songkok-terakhir>
- Holidify. (2020, June 09). Traditional Clothes of Malaysia - Vibrancy and Diversity at its Best. Retrieved November 09, 2020, from <https://www.holidify.com/pages/traditional-clothes-of-malaysia-3820.html>

- Izzatul, H. (2020, May 28). Asal Usul Songkok Melayu Yang Anda Perlu Tahu. Retrieved November 09, 2020, from <https://tehtarikgelasbesar.com/asal-usul-songkok-melayu-yang-anda-perlu-tahu/>
- Latip, K. (2016, June 24). Songkok tinggi Ana jadi pilihan di Sarawak. Retrieved January 16, 2021, from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/06/168043/songkok-tinggi-ana-jadi-pilihan-di-sarawak>
- Muzamir, M. (2015, July 02). Pembuatan songkok ikut cita rasa pembeli. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.bharian.com.my/node/65313>
- Njoiawani. (2018, June 08). AWANI State [Pahang]: Songkok Gundal pelengkap pakaian di Hari Raya. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.youtube.com/watch?v=7vyxg0ELmxE>
- Pekan, O. (2020, September 28). Asal Usul Songkok. Retrieved November 09, 2020, from <https://www.thepatriots.asia/asal-usul-songkok/>
- Ramli, N. (2017, November 15). Songkok Gundal aksesori pilihan kerabat diraja. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2017/11/351212/songkok-gundal-aksesori-pilihan-kerabat-diraja>

13.0 LAMPIRAN

13.1 SURAT PENYELIDIKAN

www.uitm.edu.my

 UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pengurusan
Maklumat

Surat Kami : 600-FPM (5/2/1)
Tarikh : 7 November 2020

Encik Ismail Bin Ahmad Gundal,
No.74 Tingkat Bawah,
Lot 30, Jalan Besar 25000,
Kuantan Pahang Darul Makmur.

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berbesar hati untuk menemubual tuan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik 'Warisan dan Budaya Tradisional di Malaysia'.

3. Tugas ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "Oral Documentation" (IMR 604).

4. Senarai nama pelajar yang terlibat:-

NAMA	NO. PELAJAR UITM	NO. TEL
Che Wan Nurmas Azura Binti Che Wan Hasanuddin	2018400932	013-5131641
Nur Haziqah Binti Anuar	2018223202	013-7865775

5. Untuk rujukan pihak tuan, berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:

a) Mengkaji latar belakang tokoh.
b) Mengkaji sejarah mengenai songkok gundal.
c) Mengenal pasti kaedah dan cara pembuatan songkok gundal.

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

JAFALIZAN BIN MD JALI
Pensyarah Kanan
b.p Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
40150 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/2220/2148
Faks: (+603) 7962 2007
Web: fpm.uitm.edu.my


ISO 9001:2015 No. Sijil: 10120156
UiTM *ai hatiku*

Gambar 1: Surat Kebenaran Untuk Melaksanakan Penyelidikan Akademik.

13.2 SURAT PERJANJIAN


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN
<p>Saya <u>ISMAIL BIN AHMAD GUNDAL</u>..... K/P:<u>.....</u> pada <u>17/12/2020</u> dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (<i>interviewee</i>).4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-<ol style="list-style-type: none">a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
(ISMAIL AHMAD GUNDAL) Tarikh: <u>17/12/2020</u>
JAFALIZAN BIN MD JALI b.p.Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA

Gambar 2: Perjanjian bersama tokoh untuk projek Sejarah Lisan.

13.3 SENARAI SOALAN TEMUBUAL

SOALAN BAGI OBJEKTIF NO 1: LATAR BELAKANG TOKOH (ORIENTATION QUESTION)

1. Bolehkah pak cik ceritakan tentang latar belakang diri pak cik kepada kami?
 - Nama penuh.
 - Nama panggilan.
 - Jawatan.
 - Tarikh lahir.
 - Tempat dilahirkan.
 - Dibesarkan.
 - Asal.
 - Menetap di Kuantan sejak bila.
 - Hobi
 - Cita-cita sewaktu zaman sekolah
 - Apakah prinsip hidup atau motto hidup pak cik?
2. Boleh pak cik ceritakan latar belakang ibu bapa pak cik?
 - Nama bapa/ibu pak cik.
 - Ibu dan bapa asal mana.
3. Boleh pak cik ceritakan tentang latar belakang adik beradik pak cik?
 - Berapakah bilangan adik-beradik pak cik?
 - Pak cik anak keberapa?
 - Lelaki/Perempuan berapa?
 - Berapa orang daripada ahli keluarga pak cik yang turut sama mencebur ke bidang penghasilan songok gundal ini?
4. Boleh pak cik ceritakan latar belakang keluarga pak cik sekarang?
 - Bolehkah pak cik terangkan tentang latar belakang isteri pak cik?
 - Adakah isteri pak cik juga membantu dalam perusahaan songkok?
 - Berapakah bilangan cahaya mata pak cik? (anak2 terlibat)

5. Boleh pak cik ceritakan latar belakang pendidikan pak cik?
- Sekolah (tadika/sek ren/sek men/institusi latihan)
 - Kenangan yang tidak boleh dilupakan sepanjang alam persekolahan.
 - Tahun tamat alam persekolahan.
 - Adakah pak cik sudah mula menanamkan minat dalam pembuatan songkok sejak di bangku sekolah lagi?

**SOALAN BAGI OBJEKTIF NO 2: SEJARAH MENGENAI SONGKOK
GUNDAL**
COMMON QUESTION 1

6. Bilakah pak cik mula mempelajari pembuatan songkok?
7. Berapa lama pak cik amik masa untuk belajar membuat songkok?
8. Dimanakah tempat pak cik belajar membuat songkok?
9. Berapa banyak jenis songkok yang telah dipelajari?
10. Siapakah nama guru yang telah mengajar pak cik dalam pembuatan songkok?
- Bagai manakah kaedah/teknik beliau mengajar pembuatan songkok?
 - Bagai manakah sikap beliau sewaktu mengajar?
 - Berapa lama belajar dengan beliau?
 - Adakah beliau berguru dengan guru lain?
 - Apakah perasaan pak cik sewaktu diajar oleh beliau?
11. Pada tahun berapa, pak cik mula menceburi bidang ini secara serius?
12. Adakah arwah ayah pak cik juga menjual songkok suatu ketika dahulu?
13. Adakah pak cik meletakkan perusahaan ini atau songkok ini sebagai sumber pendapatan utama?
14. Bagaimana penerimaan/ sambutan pelanggan pada ketika itu?
15. Adakah penduduk tempatan menerima songkok ini? (bagaimana reaksi arwah bapa pak cik)
16. Sekiranya pak cik masih ingat, berapakah pendapatan pertama sewaktu mula membuka perniagaan ini?

17. Pada peringkat awal, apakah cabaran sewaktu memulakan perniagaan ini?
18. Adakah perniagaan tempatan membantu dalam perusahaan ini?
19. Adakah pak cik mohon mana-mana dana untuk perusahaan ini?
20. Bagaimana kerajaan tempatan mengiktiraf songkok ini?

21. Adakah terdapat persaingan daripada perusahaan -perusahaan songkok yang lain?
22. Apakah sokongan dan galakan yang diberikan oleh ahli keluarga pak cik sewaktu pak cik?
23. Apakah matlamat pak cik sepanjang menghasilkan songkok gundal?
24. Dimanakah letaknya lokasi perusahaan ini? (tempat lama/baru)

25. Adakah pak cik pernah mengajar orang luar selain daripada pekerja dalam menghasilkan songkok gundal?
 - Berapa lama amik masa untuk mengajar?
 - Siapakah anak murid yang telah berjaya membuka perusahaan?
 - Apakah cabaran untuk mengajar generasi baru?
 - Adakah pak cik pernah terlintas difikiran untuk mengajar anak-anak pak cik?
 - Adakah pemuda pemudi tempatan berminat untuk belajar membuat songkok?
 - Pernah tak pak cik berhasrat untuk berkolaberasi dengan Kolej Komuniti, Giat mara dan Institusi Kemahiran Malaysia untuk buat songkok?
 - Pernah tak pak cik terfikir untuk membuat kursus berbayar untuk mengajar teknik pembuatan songkok?

COMMON QUESTION 2

26. Bolehkah pak cik ceritakan kepada kami tentang sejarah songkok di Malaysia?
27. Di Malaysia ada berapa jenis songkok?
28. Di nusantara ada berapa jenis songkok?
29. Songkok Malaysia dipengaruhi oleh negara mana?
30. Kenapa songkok ini dinamakan songkok gundal?
31. Apakah keistimewaan songkok gundal pada pak cik?

32. Apakah keunikan songkok gundal?
- Mengapakah songkok gundal dikategorikan sebagai songkok buatan tangan sepenuhnya.
33. Bagaimana songkok gundal boleh dikenali ramai?
34. Selain daripada orang tempatan golongan mana yang menerima songkok gundal?
- Sejak tahun bilakah songkok gundal mula dipakai oleh kerabat di raja Pahang?
 - Siapakah kerabat di raja yang pertama memakai songkok gundal buatan pak cik?
35. Ada berapa jenis jahitan yang terdapat dalam songkok tersebut?
36. Apakah perbezaan yang ketara antara songkok gundal dan songkok biasa yang berada dipasaran?
37. Apakah tips penjagaan songkok supaya songkok tidak mudah rosak atau kotor?
38. Di Bandar Kuantan ini, berapa ramai yang turut mengusahakan perniagaan songkok?

**SOALAN BAGI OBJEKTIF NO3: CARA DAN TEKNIK PEMBUATAN
SONGKOK SPECIFIC QUESTION**

39. Apakah peralatan yang diperlukan untuk membuat songkok?
40. Apakah proses awal dalam pembuatan songkok gundal?
41. Boleh pak cik terangkan serba sedikit tentang proses awal penghasilan songkok gundal?
- Adakah kertas yang digunakan untuk pembuat tepi songkok mempunyai kriteria pemilihan tersendiri?
 - Bagaimanakah cara pemotongan kertas dilakukan?
 - Adakah pemotongan kertas tersebut mempunyai saiz tertentu?
 - Apakah kain yang pak cik gunakan untuk membalut kertas?
 - Bagaimanakah cara jahitan pada balutan kain untuk tepi songkok dilakukan?

- Adakah jahitan bagi tepi songkok mempunyai jenis yang berbeza?
- Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan tepi songkok?

42. Seperti yang dinyatakan oleh pak cik sebentar tadi adalah antara proses awal semasa penghasilan songkok gundal. Soalan seterusnya, bagai manakah pula dengan proses pembuatan atap songkok dilakukan?

- Mengapakah kain diperlukan untuk membalut kertas pada atap songkok?
- Apakah proses yang dilakukan selepas kain tersebut dibalut pada kertas?
- Adakah atap songkok juga mempunyai saiz berbeza?
- Bagaimanakah cara untuk mengukur saiz untuk membuat atap songkok?
- Berapakah jenis jahitan yang pakcik gunakan dalam penghasilan atap songkok?
- Adakah kehalusan jahitan itu juga mempengaruhi harga songkok tersebut?
- Apakah kelebihan jahitan halus pada songkok?
- Bagaimanakah cara pembuatan jahitan pada atap songkok dilakukan?
- Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan jahitan pada satu tapak songkok?

43. Boleh pak cik terangkan secara ringkas proses berikutnya dalam penghasilan songkok gundal?

- Bagaimanakah cara cantuman atap songkok dan tepinya dilakukan?
- Berapakah jenis kain baldu yang digunakan oleh pak cik?
- Bagaimanakah cara untuk membezakan kain baldu tersebut?
- Adakah ketebalan kain baldu tersebut memperolehi harga songkok?
- Mengapakah jarum peniti perlu disemat pada songkok?
- Bagaimanakah proses jahitan baldu pada atap songkok dilakukan?
- Apakah langkah terakhir yang dilakukan selepas baldu siap dipasang pada songkok?
- Berapa lamakah masa yang diambil semasa pemasangan baldu?

44. Boleh pak cik terangkan secara ringkas proses akhir penghasilan songkok gundal?

- Bagaimanakah cara membuat lobang pada atap songkok dilakukan?

- Apakah alat yang digunakan untuk membuat lobang?
- Berapakah bilangan lobang pada atap songkok?
- Apakah fungsi lobang pada atap songkok?
- Berapa lamakah masa yang diambil untuk membuat lubang pada atap songkok?

45. Berdasarkan setiap proses yang diceritakan oleh pak cik sebentar tadi, proses yang manakah memerlukan penelitian yang banyak semasa penghasilan songkok gundal ini dijalankan?

46. Sepanjang pak cik mengusahakan perniagaan songkok gundal ini, apakah antara cabaran yang paling sukar dan mencabar yang pernah dihadapi oleh pak cik dan para pekerja sepanjang menghasilkan songkok gundal?

- Apakah jenis kain yang digunakan? (kat mana dapat/supplier mana/kualiti)
- Apakah jenis kertas yang digunakan? (kat mana dapat/supplier mana/kualiti)
- Apakah jenis lapik yang digunakan? (kat mana dapat/supplier mana/kualiti)
- Apakah jenis benang yang digunakan? (kat mana dapat/supplier mana/kualiti)

47. Sepanjang proses ini siapakah yang terlibat dalam penghasilan songkok?

48. Apakah tugasan pak cik dalam pembuatan songkok?

49. Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan sebuah songkok?

50. Pernahkah pak cik mengalami kecederaan semasa menghasilkan songkok gundal?

51. Apakah pantang larang semasa proses penghasilan songkok gundal?

52. Adakah pak cik mempunyai koleksi songkok peribadi?

- Siapakah yang menghasilkan songkok itu?
- Berapakah usia songkok itu?

53. Songkok jenis apakah yang biasa ditempah oleh kerabat diraja Pahang?

54. Bagaimanakah cara pak cik menetapkan harga pada songkok?

55. Berapakah harga songkok yang paling mahal yang pernah dijual?

56. Berapakah jumlah songkok yang paling banyak pak cik pernah hasilkan dalam masa satu hari? (jumlah paling banyak songkok yang dijual dalam masa sehari)
57. Adakah penjualan songkok gundal ini juga dipasarkan ke luar negara?
58. Negara manakah yang sering membeli dan menempah songkok gundal buatan tangan pak cik?
59. Apakah peracangan pak cik selepas ini dalam memperkenalkan songkok?
60. Apakah harapan pak cik pada perusahaan songkok gundal?
61. Apakah harapan pak cik kepada golongan belia supaya mereka terus berminat dan menceburkan diri dalam bidang penghasilan songkok gundal ini?
62. Apakah pandangan pak cik untuk generasi sekarang yang kurang mengetahui bagaimana proses membuat songkok dilakukan?

13.4 DIARI PENYELIDIKAN

NO	TARIKH	AKTIVITI	CATATAN
1	13/10/20	Pensyarah menjelaskan kepada penyelidik tentang tema kajian iaitu Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat dari tahun 1968 – 1972.	
2	13/10/20	Pensyarah memberi tugas mencari pasangan untuk projek mengikut negeri yang sama.	
3	14/10/20	Mencari alumni di aplikasi Facebook dan penyelidik menjumpai alumni yang bernama Dr. Zahidi Bin Dato Zainol Rashid. Beliau merupakan alumni Fakulti Pengurusan Maklumat tahun 1976.	
4	15/10/20	Memberitahu pensyarah mengenai alumni yang dijumpai. Penyelidik telah mendapat persetujuan daripada pensyarah mengenai alumni yang dipilih.	
5	19/10/20	Penyelidik membuat draf proposal secara umum mengenai UiTM untuk pengenalan, soalan kajian dan objektif.	
6	20/10/20	Kelas minggu ke-2 berlangsung dan penyelidik memberitahu pensyarah mengenai nombor alumni yang tidak beroperasi.	
7	27/10/20	Kelas minggu ke-3, Penyelidik masih tidak menerima maklum balas daripada alumni tersebut iaitu Dr. Zahidi Bin Dato Zainol Rashid.	
8	27/10/20	Pensyarah telah memberi pilihan tajuk baru iaitu Warisan Budaya Tradisional.	
9	27/10/20	Penyelidik telah menjumpai seorang tokoh yang telah lama berkecimpung dalam permainan dan	Penyelidik telah

		pembuatan gasing iaitu Encik Zulkarnain yang berhampiran dengan penyelidik iaitu daerah Labis, Johor. Tetapi beliau pernah ditemubual oleh pelajar dari UiTM Segamat menegenai sejarah lisan.	menolak beliau dengan cara baik
10	28/10/20	Penyelidik telah mencari maklumat yang berkaitan dengan tajuk dan menjumpai dan menghubungi beberapa tokoh yang menetap di Johor antaranya Pak Salleh Ghazal Johor dan beliau membalas akan memberitahu menghubungi penyelidik semula.	Tiada maklum balas dari pihak Pak Salleh.
11	29/10/20	Penyelidik telah menghantar pesanan ringkas kepada Encik Yunus iaitu pembuat gasing di daerah Segamat, Johor. Beliau telah bersetuju untuk penyelidik menemubual beliau tetapi penyelidik dapati kreteria beliau tidak mencukupi untuk penyelidik melakukan sejarah lisan.	Penyelidik telah menolak beliau secara baik.
12	30/10/20	Penyelidik menjumpai Puan Hasnah iaitu usahawan Kraftangan tradisional buluh, rotan dan tikar mengkuang dan terus menghubungi beliau. Beliau langsung bersetuju dan atas perbincangan bersamanya penyelidik bersetuju untuk mengadakan preliminary pada 8/11/2020 jatuh kepada hari Ahad.	
13	31/10/20	Mencari maklumat tokoh untuk dijadikan sebagai simpanan. Tokoh yang Penyelidik jumpai ialah Che'gu Naim Nazri iaitu generasi keempat Seni Silat Sendeng Gunung Sakti yang beralamat di Temerloh Pahang.	
14	3/11/20	Selepas tamat kelas untuk minggu ke-4 penyelidik terus membuat surat kebenaran untuk preliminary ke rumah Puan Hasnah.	

ISMAIL BIN HAJI AHMAD GUNDAL
2021

15	4/11/20	Penyelidik menghantar surat tersebut kepada pensyarah untuk disemak. Penyelidik telah mendapat mesej daripada Puan Hasnah, mengatakan beliau tidak dapat meneruskan sesi temubual pada ketetapan berikut kerana PKPB di kawasan Negeri Sembilan, Penyelidik memutuskan untuk mencari tokoh yang baharu.	
16	5/11/20	Penyelidik menjumpai seorang yang terkenal dalam penghasilan songkok menggunakan hasil tangan di negeri Pahang. Penyelidik mencari maklumat beliau di Google dan juga Facebook dan menghantar mesej melalui Facebook Messenger mengenai keinginan Penyelidik untuk menemubual beliau.	
17	5/11/20	Pekerja kedai Songkok Gundal telah menelefon Penyelidik dan bersetuju untuk menemubual Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal yang beralamat di Kuantan, Pahang.	
18	5/11/20	Berbincang dengan Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal mengenai tarikh sesuai untuk temubual perjumpaan pertama.	
19	5/11/20	Penyelidik membuat surat kebenaran dan menghantarnya kepada pensyarah untuk disemak.	
20	6/11/20	Penyelidik membuat pengesahan semula dengan Encik Ismail mengenai perjumpaan yang pertama pada 7/11/20.	
21	7/11/20	Perjumpaan pertama bersama Encik Ismail di kedai miliknya iaitu Kedai Toko Sinar Maju di Kuantan, Pahang pada pukul 12:00 pm sehingga 2:00 pm	
22	9/11/20	Penyelidik membuat draf proposal.	

23	10/11/20	Penghantaran draf proposal kepada pensyarah setelah diturnitin.	
24	17/11/20	Penyelidik merekodkan suara untuk pembuka dan penutup rakaman atas arahan pensyarah dan dihantar ke aplikasi Whatsapp kelas.	
25	18/11/20	Mengemaskini dan memperbaiki maklumat didalam proposal.	
26	22/11/20	Proses membuat soalan untuk temubual.	
27	24/11/20	Kelas minggu ke tujuh, pensyarah membuat perbincangan draf soalan untuk temubual bersama penyelidik.	
28	25/11/20	Penghantaran proposal kepada pensyarah.	
29	27/11/20	Penyelidik membincang kan soalan temubual kali kedua dengan pensyarah menggunakan aplikasi Google Meet.	
30	8/12/20	Penyelidik menghantar pesanan ringkas kepada tokoh untuk meminta izin datang menemubual. Tokoh tidak sihat dan meminta tunda ke tarikh baharu.	
31	9/12/20	Penyelidik menghantar gambar preliminary bersama tokoh kepada pensyarah melalui aplikasi WhatApps	
32	11/12/20	Penyelidik telah menghantar soalan kepada pensyarah untuk disemak sebelum temubual sebenar dijalankan.	
33	14/12/20	Penyelidik menghantar pesanan ringkas kepada tokoh untuk meminta izin datang menemubual dan tokoh bersetuju.	

34	16/12/20	Penyelidik menetapkan tarikh tarikh untuk menemubual tokoh dan telah di persetujui oleh tokoh.	
35	17/12/20	Perjumpaan kedua bersama Encik Ismail di kedainya, Kedai Toko Sinar Maju pada pukul 2:00 pm sehingga 4:30 pm	
36	18/12/20	Penyelidik mula membuat transkrip temubual.	
37	20/12/20	Penyelidik memaklumkan kepada pensyarah mengenai masa temubual yang dijalankan kurang daripada 2 jam seperti yang diminta. Pensyarah menasihatkan Penyelidik untuk menambahkan durasi temubual.	
38	22/12/20	Penyelidik menghubungi tokoh untuk meminta kebenaran mengadakan temubual ulangan melalui Google Meet. Tokoh bersetuju dan tarikh ditetapkan	
39	22/12/20	Kelas minggu ke-10 pensyarah menyemak transkrip tiga muka surat pertama yang dibuat oleh penyelidik.	
40	23/12/20	Tokoh memaklumkan, beliau tidak dapat meneruskan sesi temubual online kerana beliau menguruskan kematian keluarga terdekat.	
41	28/12/20	Penyelidik mencari bahan arkib yang berkaitan tajuk iaitu Songkok di laman web OFA.	
42	29/1/20	Kelas minggu ke-11, pensyarah memeriksa transkrip penuh yang telah dibuat oleh penyelidik	
43	2/1/21	Pensyarah menyemak transkrip untuk kali kedua	
44	5/1/21	Kelas minggu ke-12, pensyarah menerangkan cara pembuatan article kepada penyelidik.	

ISMAIL BIN HAJI AHMAD GUNDAL
2021

45	7/1/21	Penyelidik memberikan tajuk artikel penuh kepada pensyarah melalui aplikasi Whatsapp.	
46	8/1/21	Penyelidik memulakan penulisan artikel dan transkrip penuh.	
47	12/1/21	Kelas minggu ke-13, penyelidik menghantar artikel penuh setelah di turnitin di U-Future.	
48	13/1/21	Pensyarah menyemak artikel penuh untuk kali pertama.	
49	17/1/21	Pensyarah menyemak artikel untuk kali kedua setelah diperbaiki oleh penyelidik.	
50	19/1/21	Kelas minggu ke-14, pensyarah menyemak transkrip penuh.	

13. 5 PROPOSAL KAJIAN



FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR

KAMPUS PUNCAK PERDANA

SHAH ALAM

BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS)

IMR 604: ORAL DOCUMENTATION

PROPOSAL SEJARAH LISAN

TAJUK: BUDAYA DAN WARISAN TRADISIONAL

DISEDIAKAN OLEH:

NAMA	NO Matrik
CHE WAN NURMAS AZURA BINTI CHE WAN HASANUDDIN	2018400932
NUR HAZIQAH BINTI ANUAR	2018223202

PENSYARAH:

SIR JAFALIZAN BIN MD JALI

1.0 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Sejarah lisan boleh didefinisikan sebagai rakaman, pemeliharaan dan penafsiran maklumat sejarah, berdasarkan pengalaman dan pendapat peribadi dari pembesar suara. Selain itu, sejarah lisan juga dapat memberikan gambaran masa lalu yang lebih lengkap dan lebih tepat dengan pemenambahan maklumat yang direkod seperti rakaman suara, gambar, peta, surat, buku harian, dan bahan sejarah lain. Di samping itu, mereka yang melihat sendiri sesuatu peristiwa yang bersejarah dan menjadi saksi berlakunya perkara sedemikian rupa juga dikategorikan sebagai sejarah lisan. Contohnya, cerita rakyat iaitu Lebai Malang, Mat Jenin dan Pak Pandir, mitos berkaitan sesuatu tempat ataupun keadaan seperti Hikayat Merong Mahawangsa, lagu dan cerita-cerita yang diturunkan oleh nenek moyang kita selama bertahun-tahun.

Tambahan pula, saksi mata terhadap peristiwa ini juga turut menyumbang kepada pelbagai sudut pandangan dan perspektif pada dalam sejarah yang didokumentasikan dan dapat memperbetulkan cerita yang bercanggah dengan catatan bertulis. Justeru itu, cara yang terbaik untuk mengekalkan pengetahuan dan pemahaman dari orang yang lebih tua adalah melalui temu ramah dari generasi muda. Penemuramah iaitu dari golongan generasi muda dapat mengemukakan segala soalan yang tidak terjawab dari catatan lain untuk disoal sewaktu berlangsungnya sesi temu ramah saksi yang melihat keadaan peristiwa tersebut.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Komuniti utama di negara Malaysia adalah terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Setiap kaum yang ada di Malaysia mempunyai pakaian tradisional tersendiri. Sebilangan besar rakyat Malaysia berpakaian seperti orang barat. Kebiasaannya, pada majlis-majlis khas hanya warganegara yang memakai pakaian tradisional Malaysia. Kesemua pakaian tradisional Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik mempunyai keunikan dan citarasa tersendiri seperti warna, corak, gaya dan sebagainya mengikut budaya masing-masing. Kaum Melayu adalah kumpulan etnik yang paling terkenal di Malaysia. Mereka mempunyai pakaian tradisional yang tersendiri dan ianya berbeza untuk lelaki dan wanita dan pada kebiasaan tiada spesifik warna pada mereka. Cara berpakaian bagi orang lelaki adalah memakai baju melayu iaitu baju longgar yang dipasangkan dengan sepasang seluar dan kain sarung yang lebih dikenali sebagai sampin. Lelaki juga memakai topi tradisional untuk dipadankan dengan baju melayu, yang diberi nama songkok atau kopiah. Pakaian tradisional untuk wanita Melayu adalah baju kurung, iaitu terdiri daripada baju lengan panjang paras lutut dan dipasangkan dengan kain. Pakaian ini pada aman dahulu turut disertakan dengan selendang atau tudung diletak di kepala mereka. Terdapat juga versi separa formal iaitu kebaya, yang merupakan baju pendek dan kain sarung.

Seterusnya, petikan daripada seorang bloger bernama Sonal Adawani, “lelaki India di Malaysia akan memakai kurta-piyama, dhoti-kurta atau lungi-kurta. Kurta biasanya adalah baju panjang paras lutut. Wanita India di Malaysia memakai saree atau blaus. Sari adalah sehelai kain seluas enam meter panjang, yang dipakai dengan melilit di badan dan terdapat juga antara mereka yang memakai baju salwar kurta”. Salwar kurta ialah jubah yang dipakai dengan seluar yang sedikit longgar dan disertakan dengan selendang panjang yang akan dipanggil seperti dupatta.

Songkok merupakan salah satu pakaian cara orang melayu terutamanya kaum lelaki yang telah ditetapkan dalam tatacara pakaian kebangsaan bagi masyarakat melayu di Malaysia. Songkok juga telah disebutkan sebagai salah satu daripada perhiasan kepala. Penggunaan songkok sangat popular. Buktinya, songkok telah dipakai secara meluas di negara Asia seperti Thailand, Singapura dan juga Indonesia. Berdasarkan kajian, songkok semakin dimodenkan melalui cara pembuatannya kerana

kebanyakannya telah diperbuat daripada kain baldu berwarna hitam yang telah dijahit pada lapisan kertas yang sedikit keras dan ia juga telah diserikan dengan hiasan pada bahagian tepinya dengan hiasan seperti renda, ropol, sulaman bermotif dan sebagainya. Songkok telah dianggap sebagai alat pemakaian yang rasmi bagi sesuatu acara seperti upacara keagamaan, kenduri kahwin dan tidak lupa juga pada hari raya puasa dan hari raya korban. Songkok juga boleh dipakai bersama pakaian formal barat.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalah kajian ini dilakukan untuk mengetahui:

- Pada masa kini, ramai generasi muda mengambil alih dalam pembuatan songkok. Kebanyakan daripada mereka adalah kaum perempuan kerana lelaki kurang berminat untuk menghasilkan songkok. Maka, sejarah lisan mengenai pembuat songkok perlu dilakukan secara meluas supaya generasi akan datang mengetahui tentang sejarah pakaian tradisional.
- Pemakaian songkok bagi kaum lelaki pada masa kini adalah kurang memberansangkan. Kebiasaan mereka memakai songkok sewaktu solat Jumaat di masjid dan pada musim perayaan. Oleh itu, pembuat songkok semakin berkurangan kerana jualannya merosot.
- Kebanyakan songkok yang dijual di pasaran dibuat di kilang kerana cara dan teknik pembuatan songkok agak payah dan memerlukan kesabaran sewaktu menghasilkannya. Justeru itu, kajian ini perlu dilakukan untuk mengenalpasti teknik dan cara pembuatan songkok menggunakan kaedah tradisional.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidik melakukan kajian berdasarkan objektif berikut:

- a. Mengkaji latar belakang tokoh.
- b. Mengkaji sejarah mengenai songkok gundal.
- c. Mengenal pasti kaedah dan cara pembuatan songkok gundal.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas terhadap beberapa persoalan yang timbul seperti:

- a) Adakah generasi kini berminat untuk mengetahui latar belakang tokoh yang membuat songkok gundal?
- b) Adakah sejarah mengenai songkok gundal dapat menarik minat generasi kini untuk mengetahuinya dengan lebih mendalam?
- c) Adakah kaedah dan cara pembuatan songkok gundal mempunyai keunikan tersendiri berbanding songkok yang dijual dipasaran?

1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Melalui kajian yang telah dibuat, kepentingan dan sumbangan kajian ini adalah untuk penyelidik mengenal pasti sejarah tentang pembuatan songkok gundal. Hal ini kerana, songkok gundal hanya dibuat atau dihasilkan di negeri Pahang sahaja. Songkok gundal ini juga merupakan songkok warisan turun temurun keluarga tokoh yang dikaji. Tokoh ini telah mewarisi kepakaran dan kemahiran tersebut melalui keluarganya. Tokoh ini telah mula belajar menghasilkan songkok gundal ketika tahun 1978 daripada bantuan arwah ayahnya. Selain itu, songkok gundal ini telah menjadi pilihan utama terutamanya bagi kerabat negeri Pahang. Buktinya, tokoh memberitahu penyelidik bahawa setiap tahun pembantu yang bekerja dibawah Sultan Pahang akan datang melawat kedainya dan akan menempah beberapa buah songkok. Songkok itu akan dipakai oleh Al-Sultan Abdullah dan juga anakandanya serta kerabat. Menurut tokoh, songkok gundal yang dihasilkan olehnya akan menggunakan jahitan yang sangat halus berbanding dengan songkok yang berada dipasaran.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur dilakukan untuk mengetahui bidang pemakaian tradisional iaitu songkok. Songkok merupakan salah satu pakaian tradisional yang merupakan warisan budaya di Malaysia yang perlu dijaga dan dikenalkan supaya “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas”. Songkok dianggap sebagai pelengkap kepada pemakaian bersama baju melayu dan samping. (Mohammad Faeez Harith, 2020)

Menurut cacatan yang terdapat di Jurnal Jawatan kuasa Gerakan Membaca Negeri Perlis yang bertajuk Penggunaan Songkok yang ditulis Ramli Ismail (2007), pemakaian songkok sememangnya menjadi pilihan terutamanya bagi lelaki yang beragama islam. Penggunaan songkok juga bukan sahaja dipakai di Malaysia malah ia turut menjadi pilihan di negara Asia Tenggara yang lain. Songkok memainkan peranan yang sangat penting terutamanya bagi seseorang yang perlu menghadiri majlis rasmi yang berprotokol. Pemakaian songkok bersama baju melayu dan juga bersamping akan menyerlahkan kekemasan diri bagi si pemakai. Kebanyakkannya songkok berwarna hitam pekat tetapi ada juga sesetengah songkok berwarna selain daripada warna hitam pekat. Sebagai contoh, warna merah hati. Pemakaian songkok digalakkan ketika hendak bersolat, semasa majlis berkhatan, majlis akad nikah, majlis pernikahan, berlaku kematian dan juga upacara atau majlis yang berkaitan dan bersesuaian untuk memakai songkok.

Menurut rencana yang terdapat di Bernama News yang bertajuk ‘Songkok Gundal jahitan tangan selesa’ yang ditulis oleh Siti Salwa Shaari (2018), menceritakan bahawa Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal menghasilkan songkok buatan tangannya bukan sahaja dijual dan dipasarkan kepada orang ramai bahkan kepada golongan kerabat Negeri Pahang. Kebanyakannya penduduk Kuantan yang menetap disana mengenali beliau dan mereka semua tahu bahawa songkok gundal merupakan pilihan utama Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah, adindanya Tengku Abdul Rahman dan juga kerabat yang lain. Selain itu, anggota pihak istana juga akan memakai songkok gundal ketika mereka mempunyai upacara yang penting di istana. Songkok gundal juga telah menjadi pilihan mereka kerana kain yang lebih selesa dan tidak panas apabila dipakai.

Mohamad Azim Fitri Abd Aiziz (2019) telah menulis di Berita Harian Online mengenai Songkok Gundal yang telah menjadi pilihan Al-Sultan Abdullah sejak lebih

20 tahun. Di dalam penulisan beliau juga telah menyatakan bahawa kemahiran yang dimiliki oleh Encik Ismail iaitu generasi ketiga dalam pembuatan Songkok Gundal ini telah mendapat permintaan yang berterusan dan tidak putus dari golongan kerabat di raja Pahang serta warga Kuantan. Hal ini kerana, ketelitian dan kehalusan dalam pembuatan songkok yang diperbuat sepenuhnya secara tradisional di kedai beliau yang terletak di Bandar Kuantan telah menarik minat pembelinya. Sehingga ke hari ini, Encik Ismail masih lagi aktif bahkan setiap enam hari seminggu bekerja membuat songkok di kedainya.

Kualiti songkok yang baik merupakan salah satu kriteria pemilihan yang akan diukur oleh pembeli, bagi Encik Ismail yang merupakan pembuat Songkok Gundal haruslah sentiasa kemas dan teliti agar mereka yang memakainya akan berasa selesa dan puas hati. Berdasarkan penulisan dan rakam video untuk Berita Harian Plus yang disediakan oleh Nik Sukry Ramli (2017), Songkok Gundal aksesori pilihan kerabat diraja. Jahitan yang kemas dan hasil kerja yang teliti pada Songkok Gundal menjadikan ianya berbeza daripada songkok yang dijual di pasaran. Tempahan yang tidak pernah putus pada musim perayaan terutamanya telah menunjukkan bahawa songkok ini menjadi pilihan ramai. Tidak hanya pelanggan di sekitar Kuantan sahaja yang membeli songkok ini, bahkan seluruh Malaysia serta ada juga pembeli dari luar negara yang menempah Songkok Gundal.

Berdasarkan video yang dirakam oleh Astro Awani bertajuk ‘Songkok Gundal pelengkap pakaian di Hari Raya’ (2018), menceritakan mengenai pengusaha songkok tertua di Pahang. Menurut wawancara video tersebut, Songkok Gundal telah diwarisi oleh generasi ketiga iaitu Encik Ismail dan nama Gundal telah digunakan sejak tahun 2007 sempana nama arwah ayahnya iaitu Ahmad Gundal yang telah mewarisi seni pembuatan songkok bapanya yang berhijrah dari Sumatera ke Pahang. Penelitian pada setiap proses pembuatan Songkok Gundal menjadikannya pilihan ramai orang yang terutamanya mereka yang mementingkan keselesaan dan ketelitian pada songkoktersebut.

Muhammad Yusri Muzamir (2015), ‘Pembuatan songkok ikut cita rasa pembeli’ dalam Berita Harian Online mengisahkan mengenai pembuat songkok yang menetap di Pulau Pinang. Menurut Haji Mohidin OSM Mohd Shariff yang merupakan seorang pembuat songkok, aksesori kepala itu sudah jarang dipakai oleh masyarakat

sekarang. Pemakaian songkok hanya kebiasaanya akan dipakai sewaktu solat sunat Hari Raya dan pada majlis perkahwinan sahaja. Songkok yang dihasilkan oleh anak jati Pulau Mutiara itu juga telah mendapat perhatian dan sering ditempah oleh individu serta ahli politik di Pulau Pinang kerana keemasan serta hasil pembuatan yang rapi menjadikan songkok buatan terkenal. Songkok yang dibuat oleh beliau juga sering mengikuti citarasa pembeli seperti bahan yang digunakan dalam pembuatannya terutama sekali ialah jenis kain iaitu kain baldu dan sutera.

Nazri Abu Bakar (2016), ‘Songkok tinggi jadi promosi budaya Melayu’ dalam Berita Harian mengisahkan tentang seorang lelaki anak jati Tangkak, Johor yang telah berusia 51 tahun iaitu Encik Idris Bin Jaafar yang tidak pernah berputus asa mendaulatkan atau mempopularkan kembali pemakaian songkok di kalangan anggota masyarakat. Encik Idris akan berjalan di kawasan atau tempat lokasi orang ramai atau pelancong sering berkumpul sambil memakai songkok setinggi 25 sentimeter buatan tangannya. Orang ramai yang melihatnya kadang kala akan berhenti dan mengajaknya untuk bergambar bersama dan ini membuatkan dia bangga dengan setiap usahanya mempopularkan pakaian tradisional iaitu songkok di kalangan masyarakat. Beliau juga berharap dengan usahanya kaum lelaki bukan hanya memakai ketika perlu sahaja tetapi memakainya secara berkala supaya ia tidak dilupakan.

Seterusnya, Khalid Latip (2016), ‘Songkok tinggi Ana jadi pilihan di Sarawak’ dalam Berita Harian, mengisahkan tentang seorang wanita berusia 48 tahun iaitu Pengusaha Songkok Tinggi Ana yang bernama Marina Bolhasan telah menjadikan songkok tinggi buatan tangannya sebagai pendapatan utama keluarganya dengan giat menghasilkan songkok yang hampir mencelah ketinggian hampir 8 inci sekaligus telah membuatkan songkok buatan tangannya telah mendapat sambutan yang menggalakkan setiap kali tiba waktu perayaan. Keunikannya juga telah menjadi trend semasa yang telah berkembang di negeri Sarawak sehingga berjaya menarik perhatian generasi muda di sana.

‘Perniagaan songkok turut terjejas’ yang dipetik daripada Sinar Harian (2020), menceritakan mengenai pendapatan pengusaha songkok telah terjejas semenjak pandemik Covid-19 melanda dunia pada akhir tahun 2019. Justeru itu, menurut Norazwani Yusof peniaga songkok telah mendapat kurang sambutan daripada kebiasaanya terutama sekali pada musim hari raya. Berbeza pula dengan artikel yang

ditulis oleh Amran Yahya mengenai ‘Songkok ikut daerah’. Berdasarkan temubualnya bersama Pengusaha Sinar Songkok Melayu, Mohd Fahirurazi Yahya menceritakan songkok yang dihasilkan beliau kebanyakkannya mengikut daerah yang terdapat di Johor. Setiap daerah didatangkan ciri-ciri khas pada songkok tersebut seperti warna dan rekaan coraknya. Songkok yang dihasilkan beliau kebanyakkannya tidak menggunakan bahan asas yang terdapat pada kebiasaan songkok seperti kain baldu, tetapi beliau telah mengubahnya menggunakan kain berwarna yang dapat melambangkan perbezaan daerah di negeri Johor. Baginya, walaupun songkok hanya dipakai pada hari tertentu dan jualnya mengikut musim, tetapi keunikan yang dihasilkan beliau tetap menarik pembeli termasuklah pembeli dari luar negara.

Ismail Ali (2019), ‘Dilema pembuat Songkok terakhir’ dalam Berita Harian, Singapura menceritakan serba sedikit tentang pengalaman si pembuat songkok iaitu Haji Abdul Wahab Bin Abdullah yang telah mengusahakan kedai aksesori pakaian tradisional dan moden di tingkat bawah Tanjong Katong Complex bersama isterinya. Sudah berpengalaman selama hampir 37 tahun dalam pembuatan songkok menyebabkan kadang kala hatinya sedikit terkilan kerana kemahiran dan pembuatan ini semakin hari semakin dilupakan oleh masyarakat terutamanya generasi muda. Beliau berharap akan ada satu masa pakaian tradisional ini akan diangkat semula dan kembali menjadi popular. Oleh itu, setiap kali pelanggan menjakkan kaki di kedainya, segala tips atau langkah-langkah penjagaan songkok akan dikongsikan kepada pelanggan supaya songkok tersebut dapat bertahan lama.

3.0 METODOLOGI

Metodologi kajian akan menerangkan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan untuk mengumpul kesemua maklumat supaya dapat mengumpul data yang akan digunakan oleh penyelidik ketika menyelesaikan tugas. Kaedah kajian yang digunakan untuk proses kajian ini adalah :

- Kaedah pengumpulan data
- Kaedah perpustakaan
- Kaedah menganalisis data
- Kaedah temubual
- Kaedah melawat (walk in) ke tempat tokoh

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan kajian yang dilakukan oleh penyelidik ialah dengan menggunakan kaedah sejarah lisan dan kaedah temubual. Sejarah lisan adalah proses yang akan dilakukan oleh pengkaji dengan mengumpul, mencatat, merekod dan menjaga maklumat sesuatu sejarah yang telah berlaku kepada individu yang dipilih semasa wawancara sedang berlaku. Sebagai contoh, sejarah lisan juga akan dijadikan sebuah rekod bertulis yang juga disertakan dengan gambar, keterangan dan juga transkrip. Seterusnya, pendekatan kajian yang dilakukan oleh penyelidik adalah melalui kaedah temubual. Kaedah ini dapat membuktikan kesahihan maklumat ketika menemubual tokoh. Hal ini kerana, temubual akan berlaku bersama penyelidik dan mereka akan menganalisis tokoh sama ada tokoh boleh mengingat sesuatu peristiwa dengan betul atau tidak.

3.2 PESERTA KAJIAN

Tokoh bernama Ismail Bin Haji Ahmad Gundal telah dipilih oleh pengkaji melalui pencarian di aplikasi Facebook dan juga portal berita di Google. Penyelidik telah memilih tokoh tersebut kerana beliau telah memenuhi kriteria yang telah digariskan semasa kajian dijalankan. Sehingga kini beliau sangat aktif dalam pembuatan songkok gundal. Songkok gundal ini masih bertahan sehingga kini kerana tokoh masih giat membuat dan memasarkan songkok gundal buatan tangannya kepada orang ramai.

Ismail Bin Haji Ahmad Gundal merupakan pemilik premis Toko Sinar Maju yang beroperasi di Kuantan, Pahang. Beliau telah dibantu oleh tiga orang anak saudaranya bersama isterinya di kedai untuk menyiapkan tempahan dan pesanan songkok gundal daripada pelanggan. Menurut tokoh, beliau mampu menyiapkan sebanyak 50 buah songkok gundal dalam jangka masa satu hari. Beliau sangat konsisten dalam pembuatan songkok gundal kerana sehingga kini beliau masih dipilih untuk menjadi pembuat songkok utama bagi Sultan Pahang, anakandanya dan kerabat negeri Pahang.

3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Prosedur pengumpulan data perlu dititikberatkan terutamanya sebelum kajian dijalankan oleh pengkaji. Hal ini kerana, beberapa langkah awal perlu diambil oleh pengkaji iaitu dengan mendapatkan surat sokongan atau surat kebenaran daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana bagi memohon kebenaran untuk menjalankan kajian.

Seterusnya, pengkaji akan berbincang dengan pensyarah mengenai maklumat yang dikumpul berserta dengan tokoh yang dipilih. Penyelidik mendapatkan kesemua data atau maklumat dengan menggunakan pencarian maklumat di aplikasi Google dan juga Facebook. Kaedah ini sangat membantu penyelidik untuk mengumpul maklumat berkaitan tajuk yang dipilih. Semua maklumat akan dirujuk kepada pensyarah supaya pengkaji tidak tersasar daripada topik kajian.

Selain itu, pengkaji berbincang bersama-sama untuk menyediakan beberapa soalan supaya dapat membantu ketika proses menemubual dijalankan. Soalan yang dijana akan di perhatikan sama ada sesuai dengan tajuk kajian ataupun tidak. Semua soalan akan membantu pengkaji untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang tajuk yang dikaji. Soalan yang disediakan oleh pengkaji juga akan disemak oleh pensyarah supaya ia teratur dan kemas.

Akhir sekali, pengkaji melakukan proses temubual dengan tokoh yang dipilih. Proses temubual dijalankan selama tempoh dua jam. Temubual yang dijalankan akan membantu pengkaji terutamanya ketika dalam proses menterjemahkan menjadi transkrip. Temubual yang baik akan membantu pengkaji dalam menyiapkan transkrip dengan jayanya.

3.4 CARTA GANTT PROJEK

PETUNJUK:

PERANCANGAN	
KAJIAN SEDANG DILAKUKAN	
KAJIAN SUDAH SELESAI	

MINGGU PERKARA	1-2	3-4	5-6	7-8	9-10	11-12	13-14
Pensyarah menjelaskan kepada penyelidik tentang tema kajian iaitu Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat dari tahun 1968 – 1972.							
Pensyarah memberi tugasan mencari pasangan untuk projek mengikut negeri yang sama							
Mencari alumni di aplikasi Facebook dan penyelidik menjumpai alumni yang bernama Dr. Zahidi Bin Dato Zainol Rashid. Beliau merupakan alumni Fakulti Pengurusan Maklumat tahun 1976.							
Memberitahu pensyarah mengenai alumni yang dijumpai. Penyelidik telah mendapat persetujuan daripada pensyarah mengenai alumni yang dipilih.							
Pengkaji membuat draf proposal secara umum mengenai UiTM untuk pengenalan, soalan kajian dan objektif.							
Kelas minggu kedua berlangsung dan pengkaji memberitahu pensyarah mengenai nombor alumni yang tidak beroperasi.							
Kelas minggu ketiga, pengkaji masih tidak menerima maklum balas daripada alumni tersebut iaitu Dr. Zahidi Bin Dato Zainol Rashid.							
Pensyarah telah memberi pilihan tajuk baru iaitu Warisan Budaya Tradisional.							

Pengkaji menjumpai seorang yang terkenal dalam penghasilan songkok menggunakan hasil tangan di negeri Pahang. Pengkaji mencari maklumat beliau di Google dan juga Facebook dan menghantar mesej melalui Facebook Messenger mengenai keinginan pengkaji untuk menemubual beliau.						
Pekerja kedai songkok Gundal telah menelefon pengkaji dan bersetuju untuk menemubual Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal yang beralamat di Kuantan, Pahang						
Berbincang dengan Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal mengenai tarikh sesuai untuk temubual perjumpaan pertama.						
Pengkaji membuat surat kebenaran dan menghantarnya kepada pensyarah untuk disemak.						
Pengkaji membuat pengesahan semula dengan Encik Ismail mengenai perjumpaan yang pertama pada 7/11/20						
Perjumpaan pertama bersama Encik Ismail di kedai miliknya iaitu Kedai Toko Sinar Maju di Kuantan, Pahang pada pukul 12:00 pm sehingga 2:00 pm.						
Pengkaji membuat draf proposal						
Penghantaran draf proposal kepada pensyarah.						
Pengkaji merekodkan suara untuk pembuka dan penutup rakaman atas arahan pensyarah dan dihantar ke aplikasi Whatsapp kelas.						
Mengemaskini dan memperbaiki maklumat didalam proposal						
Proses membuat soalan untuk temubual.						

Kelas minggu ke tujuh, pensyarah membuat perbincangan draf soalan untuk temubual bersama penyelidik.							
Penghantaran proposal kepada pensyarah.							
Penyelidik membincang kan soalan temubual kali kedua dengan pensyarah menggunakan aplikasi Google Meet.							
Penyelidik menghantar pesanan ringkas kepada tokoh untuk meminta izin datang menemubual. Tokoh tidak sihat dan meminta tunda ke tarikh baharu.							
Penyelidik menghantar gambar preliminary bersama tokoh kepada pensyarah melalui aplikasi WhatsApp							
Penyelidik telah menghantar soalan kepada pensyarah untuk disemak sebelum temubual sebenar dijalankan.							
Penyelidik menghantar pesanan ringkas kepada tokoh untuk meminta izin datang menemubual dan tokoh bersetuju.							
Penyelidik menetapkan tarikh tarikh untuk menemubual tokoh dan telah di persetujui oleh tokoh.							
Perjumpaan kedua bersama Encik Ismail di kedainya, Kedai Toko Sinar Maju pada pukul 2:00 pm sehingga 4:30 pm							
Penyelidik mula membuat transkrip temubual.							
Penyelidik memaklumkan kepada pensyarah mengenai masa temubual yang dijalankan kurang daripada 2 jam seperti yang diminta. Pensyarah menasihatkan Penyelidik untuk menambahkan durasi temubual.							
Penyelidik menghubungi tokoh untuk meminta kebenaran mengadakan							

temubual ulangan melalui Google Meet. Tokoh bersetuju dan tarikh ditetapkan							
Kelas minggu ke-10 pensyarah menyemak transkrip tiga muka surat pertama yang dibuat oleh penyelidik.							
Tokoh memaklumkan, beliau tidak dapat meneruskan sesi temubual online kerana beliau menguruskan kematian keluarga terdekat.							
Penyelidik mencari bahan arkib yang berkaitan tajuk iaitu Songkok di laman web OFA							
Kelas minggu ke-11, pensyarah memeriksa transkrip penuh yang telah dibuat oleh penyelidik							
Pensyarah menyemak transkrip untuk kali kedua							
Kelas minggu ke-12, pensyarah menerangkan cara pembuatan article kepada penyelidik.							
Penyelidik memberikan tajuk artikel penuh kepada pensyarah melalui aplikasi Whatsapp.							
Penyelidik memulakan penulisan artikel dan transkrip penuh.							
Kelas minggu ke-13, penyelidik menghantar artikel penuh setelah di turnitin di U-Future.							
Pensyarah menyemak artikel penuh untuk kali pertama.							
Pensyarah menyemak artikel untuk kali kedua setelah diperbaiki oleh penyelidik.							
Kelas minggu ke-14, pensyarah menyemak transkrip penuh.							
Menghantar binding jilid.							

4.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan hasil temubual yang telah dijalankan bersama Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal, kami mendapati pelbagai pengetahuan yang baharu daripada aspek subjek sejarah lisan. Sejarah lisan adalah penting untuk dipelajari supaya generasi pada masa akan datang dapat mengetahui tentang sejarah warisan tradisional. Pengalaman menemubual tokoh yang dipilih iaitu Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal telah memberi pencerahan dan pengetahuan yang lebih mendalam kepada kami terutamanya dalam bidang penghasilan songok gundal. Songkok gundal adalah sebuah warisan yang perlu dijaga kerana songkok merupakan pakaian tradisi bagi lelaki islam dan beragama islam.

Oleh itu, semua pihak perlu bertanggung jawab dalam mengenali, mempelajari, mewarisi, memperkenal kan setiap budaya yang berada di negara Malaysia. Sebagai contoh, setiap rakyat perlu memahami satu budaya itu dan di ketengahkan kepada orang ramai supaya generasi muda khususnya tidak melupakan warisan budaya itu. Selain itu, sistem pendidikan juga sangat penting dalam memastikan pelajar-pelajar di sekolah diterapkan dengan sifat menghargai warisan seni budaya. Melalui ini kita dapat mengekalkan kesinambungan tamadun warisan terdahulu supaya tidak hilang begitu sahaja

13.6 GAMBAR KAJIAN



Gambar 1: Lokasi temubual dijalankan.



Gambar 2: Tokoh bersama Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. (Gambar ini diperoleh daripada ihsan tokoh)



Gambar 3: Tokoh bersama Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah (Pemangku Raja Pahang) dan Tengku Amir Naseer Ibrahim menempah Songkok Gundal.
(Gambar ini diperoleh daripada ihsan tokoh)



Gambar 4: Mesin jahit jenama ‘Brother’ yang digunakan oleh tokoh untuk menghasilkan Songkok Gundal.



Gambar 5: Jahitan yang sangat kemas terdapat di bahagian dalam Songkok Gundal.



Gambar 6: Songkok Gundal sebelum pemasangan baldhu dilakukan.



Gambar 7: Tokoh mengukur tinggi songkok.



Gambar 8: Tokoh menghasilkan Songkok Gundal untuk pegawai istana Negeri Pahang.



Gambar 9: Tokoh yang dikaji iaitu Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal



Gambar 10: Sesi temubual awal yang diadakan pada 7 November 2020.



Gambar 11: Sesi temubual yang diadakan pada 17 Disember 2020.



Gambar 12: Tokoh bersama keluarganya yang membantu membuat songkok.




Gambar 13: Keratan akhbar yang disimpan oleh Tokoh.


(Gambar ini diperoleh daripada ihsan tokoh)




Gambar 14: Keratan akhbar mengenai songkok di Malaysia dan Songkok Gundal, Pahang. (Gambar ini diperoleh daripada ihsan tokoh)



Gambar 15: Tokoh di temubual oleh krew Malaysia Hari Ini (Gambar ini diperoleh daripada ihsan tokoh)



Gambar 16: Bahan Arkib yang telah di E-mail kepada Arkib Negara.



Gambar 17: Balasan E-mail yang diperolehi oleh Arkib Negara.